

KANDUNGAN

Pengenalan	3
Biografi Ringkas Mahaguru Ching Hai	6
Misteri Alam Akhirat	8
Syarahan Mahaguru Ching Hai 26 Jun 1992, di PBB, New York	
Inisiasi: Kaedah Kuan Yin	32
Lima Petua	34
Mengapa Patut Kita Menjadi Vegetarian	35
Berita Baik untuk Vegetarian	44
Penerbitan.....	45
Bagaimana Menghubungi Kami.....	47

Pengarang	: Mahaguru Ching Hai Postal Box 9, Hsihu, Miaoli Hsien, Formosa, Republic of China.
Alamat	: No. 39, Dong San Hu, Sanhu Village, Hsihu Hsiang, Miaoli Hsien, Formosa, R.O.C.
Diterbitkan oleh	: The Supreme Master Ching Hai International Association Publishing Co. (Didaftarkan di bawah No. 5390 di Pejabat Maklumat Kerajaan, R.O.C.)
Hak Cipta	: Mahaguru Ching Hai

Kandungan dan perkataan-perkataan di dalam buku ini diresapi dengan Berkat Mahaguru. Semua hak terpelihara. Tiada sebarang bahagian buku ini boleh dicetak atau dipetik semula dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara tanpa keizinan terlebih dahulu daripada Mahaguru atau Penerbit, bagi melindungi penciplak daripada karma buruk.

Aforisme

“Saya tidak tergolong kepada agama Buddha atau agama Kristian. Saya tergolong kepada Kebenaran dan saya mengkhutbahkan Kebenaran. Anda boleh memanggil ajaran ini agama Buddha, Katolik, Taoisme atau apapun saja yang anda sukai. Saya mengalu-alukan semuanya!”

~Mahaguru Ching Hai~

“Dengan memperoleh kedamaian dalaman kita akan memperoleh segala-galanya. Hanya apabila kita menjumpai Alam Tuhan – kesedaran tentang kebijaksanaan abadi dan keharmonian abadi dalaman dan maha kuasa kita, barulah dapat kita menunaikan segala keinginan duniawi atau idaman syurgawi, kerana semua ini berasal dari Alam Tuhan. Sekiranya kita tidak memperoleh ini kita tidak akan mendapat kepuasan, tidak kira berapa banyak wang atau kuasa, atau berapa tinggi pangkat yang kita ada.”

~Mahaguru Ching Hai~

“Pengajaran kami ialah apapun yang harus kita siapkan di dunia ini, siapkan, siapkan dengan sepenuh hati. Bertanggungjawab dan juga bermeditasi setiap hari. Anda akan memperoleh lebih banyak pengetahuan, lebih banyak kebijaksanaan, lebih banyak kedamaian, untuk berkhidmat kepada diri sendiri dan kepada dunia ini. Jangan lupa bahawa anda mempunyai kebaikan anda sendiri di dalam anda. Jangan lupa bahawa anda mempunyai Tuhan tinggal di dalam diri anda.”

~Mahaguru Ching Hai~

PENGENALAN

Sepanjang zaman, manusia dilawati oleh individu-individu luar biasa bertujuan tunggal meningkatkan kerohanian umat manusia. Nabi Isa ialah salah seorang daripada pelawat-pelawat tersebut, begitu juga dengan Shakyamuni Buddha dan Nabi Muhammad. Ketiga-tiga ini adalah terkenal, tetapi terdapat banyak lagi yang kita tidak mengetahui nama-namanya. Setengah-setengah mengajar secara terbuka, oleh itu diketahui oleh sebilangan orang, dan yang lain lagi tidak diketahui. Individu ini dipanggil dengan nama-nama berlainan pada masa yang berlainan, di negara berlainan. Mereka dirujuk sebagai Guru, Avator, Yang Memperoleh Penerangan, Penyelamat, Utusan, Santo Hidup dan sebagainya. Mereka datang untuk menawarkan apa yang dipanggil sebagai Penerangan, Keselamatan, Kebebasan atau Penjagaan kepada kita. Perkataan-perkataan yang digunakan bolehlah berbeza, tetapi intinya membawa makna yang sama. Pelawat-pelawat daripada Sumber Ketuhanan yang sama, dengan keagungan kerohanian, kesucian akhlak dan kuasa untuk meningkatkan umat manusia yang sama seperti orang-orang suci masa lampau adalah di sini bersama dengan kita hari ini, namun hanya sebilangan kecil orang mengetahui kehadiran mereka. Salah seorang daripada mereka ialah Mahaguru Ching Hai.

Mahaguru Ching Hai tidaklah kelihatan sebagaimana Santo Hidup yang dikenali oleh kebanyakan orang. Beliau ialah seorang wanita, dan ramai penganut agama Buddha dan lain-lain lagi mempercayai mitos bahawa wanita tidak dapat menjadi Buddha. Beliau daripada keturunan Asia, dan banyak orang Barat menjangkakan bahawa Penyelamat mereka akan kelihatan seperti mereka. Walau bagaimanapun, kami dari seluruh dunia dan dari banyak latar belakang agama yang berlainan, yang telah mengetahui Beliau dan mengikuti ajaran Beliau, mengetahui siapa Beliau. Bagi mengenali Beliau, perlulah anda mempunyai hati yang terbuka dan ikhlas. Hanyalah perlu berusaha dan memberi tumpuan! Selain itu apapun tidak diperlukan.

Manusia menghabiskan kebanyakan masa mereka untuk mencari wang dan memenuhi keperluan kebendaan. Kita bekerja untuk menjadikan kehidupan kita, dan mereka yang kita sayangi seselesa mungkin. Apabila terdapat masa lapang, kita memberikan perhatian kita kepada perkara-perkara seperti politik, sukan, televisyen atau skandal terbaru.

Tetapi apabila pengalaman dalaman berhubung secara langsung dengan Tuhan, mengalami Kuasa Kasih Sayang-Nya, akan diketahui bahawa kehidupan bukan sekadar begitu sahaja.

Kami berasa sayang akan Berita Baik ini masih belum dapat diketahui oleh orang ramai secara meluas. Kerana jawapan bagi semua masalah kehidupan telahpun terdapat di dalam diri kita, menunggu dengan senyap untuk dijumpai. Kami mengetahui bahawa Syurga dapat diperoleh pada bila-bila masa saja. Sekiranya kami terlalu bersemangat mengatakan sesuatu yang menyinggung fikiran rasional anda, maafkanlah

kami kerana adalah sukar bagi kami kekal senyap atas apa yang telah kami lihat, apa yang telah kami tahu.

Kami sebagai anak murid Mahaguru Ching Hai dan pengamal Kaedah Kuan Yin, menawarkan buku pengenalan ini, dengan harapan dapat membantu anda mengalami dengan sendiri pengalaman Kepuasan Ketuhanan melalui Guru kami.

Mahaguru Ching Hai mengajarkan kepentingan amalan meditasi, renungan dalaman dan doa. Beliau menerangkan bahawa kita perlu menjumpai Ketuhanan Dalaman kita sendiri sekiranya kita teringin akan kehidupan ini gembira. Beliau menerangkan bahawa Penerangan bukanlah suatu rahsia dan tidak mungkin dicapai, hanya dapat diperoleh oleh mereka yang mengasingkan diri daripada masyarakat. Tugas beliau adalah mengejutkan Tuhan di dalam kita, sementara kita mengamalkan kehidupan yang biasa. Beliau berkata, “Begini. Kita semua mengetahui Kebenaran. Hanyalah kita terlupa. Jadi, kadang-kadang seseorang harus datang dan mengingatkan kita tentang tujuan kehidupan kita, mengapa patut kita mencari Kebenaran, mengapa patut kita mengamalkan meditasi, dan mengapa patut kita mempercayai Tuhan atau Buddha, atau sesiapa saja yang kita fikir adalah Maha Kuasa di Alam Semesta.” Beliau tidak meminta sesiapa pun mengikuti Beliau. Beliau hanya menjadikan Penerangan yang diperoleh oleh Beliau sendiri sebagai suatu contoh, supaya orang lain juga dapat memperoleh Kebebasan abadi dengan sendiri.

Buku sampel ini ialah suatu pengenalan kepada ajaran Mahaguru Ching Hai. Sila memberikan perhatian bahawa semua syarahan, komen dan petikan ajaran Mahaguru Ching Hai dalam buku ini ialah terjemahan daripada bahasa-bahasa lain yang kemudiannya disunting untuk diterbitkan. Kami menyarankan anda mendengar atau menonton pita audio atau pita video asal. Dengan sumber-sumber ini akan anda memperoleh pengalaman yang lebih banyak berbanding dengan sumber tulisan. Sudah tentu melihat Beliau sendiri merupakan pengalaman yang paling sempurna.

Bagi setengah-setengah orang, Mahaguru Ching Hai ialah Ibu mereka, bagi setengah-setengah orang Beliau ialah Bapa mereka, dan bagi sebilangan orang lain pula Beliau ialah Kekasih mereka. Sekurangan-kurangnya Beliau ialah rakan terbaik yang dapat anda peroleh di dunia ini. Kehadiran Beliau adalah untuk memberi, bukan untuk mengambil. Beliau tidak menerima bayaran untuk sebarang ajaran, bantuan Beliau atau inisiasi. Satu-satunya yang akan diambil oleh Beliau ialah penderitaan, kesedihan dan kesakitan anda – sekiranya anda sudi!

Aforisme

“Guru ialah seseorang yang mempunyai kunci untuk anda menjadi seorang Guru... untuk membantu anda sedar bahawa anda juga seorang Guru dan bahawa anda dan Tuhan adalah Satu. Itulah semuanya... itulah satu-satunya peranan Guru.”

~Mahaguru Ching Hai~

“Kaedah kami bukanlah suatu agama. Saya tidak menukarkan sesiapa kepada Katolik atau agama Buddha, atau kepada sebarang ‘isme’ yang lain. Saya hanya menawarkan anda satu cara mengenali diri anda sendiri, mengetahui anda datang dari mana, mengingati misi anda di bumi, menjumpai rahsia alam semesta, memahami mengapa terdapat begitu banyak kesengsaraan dan melihat apa yang menanti kita selepas kematian.”

~Mahaguru Ching Hai~

“Kita terpisah daripada Tuhan kerana kita terlalu sibuk. Sekiranya seseorang bertutur dengan anda dan telefon berdering, dan anda sibuk memasak atau berbual dengan orang lain, tiada seorang pun dapat berhubung dengan anda. Tuhan juga mengalami keadaan yang sama. Dia membuat panggilan setiap hari tetapi kita tidak melapangkan masa untuk-Nya, lebih-lebih lagi memutuskan talian telefon-Nya.”

~Mahaguru Ching Hai~

BIOGRAFI RINGKAS MAHAGURU CHING HAI

Mahaguru Ching Hai dilahirkan di sebuah keluarga yang kaya di Aulac. Bapanya seorang tabib perubatan Cina yang sangat dihormati. Beliau membesar dalam keluarga Katolik, dan pada masa yang sama belajar agama Buddha daripada neneknya. Sejak zaman kanak-kanak lagi, Beliau meminati buku-buku falsafah dan doktrin-doktrin keagamaan, dan bersikap belas kasihan yang tidak biasa terhadap semua hidupan.

Semasa berumur lapan belas tahun, Mahaguru Ching Hai melanjutkan pelajarannya ke England, kemudian pergi ke Perancis dan Jerman, bekerja dengan Red Cross Jerman dan seterusnya berkahwin dengan seorang ahli sains Jerman. Selepas dua tahun kehidupan yang bahagia, dengan keizinan suaminya, Beliau meninggalkan perkahwinannya untuk menunaikan hasratnya sejak kecil lagi, iaitu memperoleh Penerangan.

Pada masa itu, Beliau mempelajari pelbagai cara meditasi daripada guru-guru yang berlainan. Beliau menyedari bahawa adalah tidak mungkin bagi membantu penderitaan manusia dengan daya seorang diri. Beliau memahami bahawa cara terbaik untuk membantu manusia adalah memperoleh Penerangan penuh. Dengan hasrat tunggal ini, Beliau mengembara ke banyak negara, mencari kaedah memperoleh Penerangan yang sempurna. Selepas percubaan bertahun-tahun yang menyusahkan, akhirnya Mahaguru Ching Hai menjumpai Kaedah Kuan Yin, mendapat Pemindahan Ketuhanan di Himalaya. Setelah berlatih dengan tekun untuk seketika masa di Himalaya, Mahaguru Ching Hai memperoleh Penerangan penuh.

Selepas itu Mahaguru Ching Hai mengamalkan kehidupan yang tenang sebagai seorang rahib agama Buddha untuk beberapa tahun sehingga beberapa orang datang memintanya mengajarkan dan memberikan inisiasi kepada mereka. Oleh sebab permintaan dan usaha anak murid awal Formosa dan Amerika Syarikat yang berterusan, Mahaguru Ching Hai mula memberikan syarahan di seluruh dunia dan memberikan inisiasi kepada beribu-ribu orang aspiran kerohanian yang ikhlas.

Hari ini, semakin banyak pencari Kebenaran dari negara dan agama yang berlainan datang kepada Beliau untuk mendapatkan kebijaksanaan tertinggi. Mahaguru Ching Hai telah membuktikan dengan sendiri Kaedah Kuan Yin ialah kaedah yang tertinggi. Bagi mereka yang ikhlas, Beliau rela memberikan inisiasi dan bimbingan kerohanian kepada mereka.

Sajak

*Dunia ini penuh dengan kesusahan.
Hanya aku penuh dengan-Mu!
Sekiranya Engkau ditempatkan di dunia ini,
Semua kesusahan akan hilang.
Tetapi, oleh sebab dunia ini penuh dengan kesusahan,
Aku tiada tempat untuk-Mu!*

*Akan kujual semua matahari, bulan dan bintang
Di dalam alam semesta,
Hanya untuk membeli satu Jelingan Jelita-Mu.
Oh Guru Sinar Tak Terhingga!
Berbelas kasihanlah dan pancarkanlah sedikit sinaran ke dalam Hatiku
Yang penuh dengan idaman.*

*Manusia duniawi pergi menyanyi dan menari pada waktu malam,
Di bawah cahaya duniawi dan muzik duniawi.
Hanya kududuk bersendirian dalam khayalan,
Berbuai bersama Sinaran dan Melodi dalaman.*

*Semenjak kutahu Keagungan-Mu Oh Tuhan,
Tiada apa yang dapat kusuka di dunia ini.
Mendakapku di dalam Kurniaan Kasih Sayang-Mu,
Selama-lamanya!*

daripada Air-air Mata Senyap

~oleh Mahaguru Ching Hai~



MISTERI ALAM AKHIRAT

Syarahan oleh Mahaguru Ching Hai
26 Jun 1992
PBB, New York

Selamat datang ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sila berdoa bersama-sama untuk seketika dengan kepercayaan anda sendiri bahawa kita bersyukur atas apa yang kita ada, apa yang diberikan kepada kita dan kita berhasrat, kita berharap agar mereka yang kekurangan akan diberikan sebagaimana yang diberikan kepada kita, pelarian dunia, mangsa peperangan, askar, pemimpin kerajaan dan sudah tentu pemimpin PBB akan mampu menyempurnakan apa yang mereka inginkan dan hidup aman bersama. Kita percaya apa yang kita minta akan ditunaikan kerana kitab Injil mengatakan begitu.

Terima kasih! Telah lama sejak saya berada di sini. Ada sesiapa antara kamu pernah berada di sini sebelumnya? Maksud saya pernah menghadiri syarahan saya sebelumnya. Bila? Oh, ya? Begitu banyak? Terima kasih. Tajuk syarahan hari ini ialah “Misteri Alam Akhirat”, kerana saya tidak fikir saya akan berbincang dengan anda lagi tentang dunia ini. Anda semua tahu. Ya? Anda tahu dunia ini kita mempunyai PBB, kita mempunyai Amerika, New York (Epal Besar), tetapi selain dunia ini, kita mempunyai perkara-perkara lain. Saya fikir kamu semua yang datang ke sini berminat untuk mengetahui hal ini. Ini bukanlah sesuatu yang ajaib atau sesuatu yang ganjil yang tidak dapat anda percayai seperti yang dikatakan oleh Stephen tadi. Ini ialah sesuatu yang sangat saintifik, sangat logik dan sangat penting.

Kita semua dengar bahawa dalam kitab-kitab agama yang berlainan, disebut bahawa terdapat tujuh syurga, terdapat peringkat-peringkat kesedaran yang berlainan, terdapat Alam Tuhan di dalam, terdapat sifat Buddha dan sebagainya. Ini ialah setengah-setengah perkara dunia akhirat yang dijanjikan. Tetapi tidak banyak orang memasuki ke dalam apa yang dijanjikan dalam kitab-kitab ini, tidak banyak. Saya tidak akan kata tiada, tetapi tidak banyak. Berbanding dengan populasi dunia, manusia yang memasuki Alam Tuhan di dalam adalah sangat sedikit. Dan sekiranya anda di Amerika, mungkin anda mempunyai banyak peluang membaca banyak buku yang menggambarkan perkara dunia akhirat. Dan setengah-setengah wayang gambar yang dihasilkan oleh orang Amerika bukan semuanya cereka. Juga, terdapat setengah-setengah wayang gambar yang dihasilkan oleh orang Jepun bukan cereka. Kerana orang-orang ini mungkin telah membaca setengah-setengah buku yang ditulis oleh mereka yang pernah melawat ke dunia akhirat atau mereka sendiri mempunyai imbasan Alam Tuhan.

Jadi, di Alam Tuhan... bagaimanakah keadaan di Alam Tuhan? Mengapakah harus kita risau tentang Alam Tuhan sekiranya kita sudah mempunyai kerja yang mencukupi untuk dibuat di dunia ini, dan kita mempunyai pekerjaan, kita mempunyai rumah yang terjamin dan kita mempunyai hubungan mesra yang mencukupi dan sebagainya? Setepat-tepatnya kerana kita sudah mempunyai semua ini, kita harus mengambil berat tentang Alam Tuhan. Ini kedengaran terlalu keagamaan apabila kita kata Alam Tuhan.

Ini sebenarnya hanya setengah-setengah peringkat kesedaran yang lebih tinggi. Manusia pada masa lampau, mereka kata itu ialah syurga, tetapi dari segi saintifik, kita boleh kata, ini peringkat pengetahuan yang berlainan, yang lebih tinggi, peringkat kebijaksanaan yang lebih tinggi. Dan ini dapat kita masuki, sekiranya kita mengetahui caranya.

Kebelakangan ini di Amerika, kita semua dengar tentang ciptaan terbaru... manusia pun mempunyai mesin menjadikan anda masuk samadhi. Sudahkah anda mengalaminya? Tak pernah? Ia dijual di Amerika. Empat ratus hingga tujuh ratus, bergantung kepada peringkat apa yang anda ingini. Kata mereka... ini untuk manusia malas yang tidak mahu bermeditasi, hanya ingin terus memasuki samadhi. Jikalau anda tidak tahu, akan saya terangkan tentang itu secara ringkas.

Mereka mengatakan bahawa mesin ini boleh menjadikan anda memasuki keadaan mental yang kendur, kemudian anda akan mencapai paras I.Q. yang tinggi. Itu dijangkakan dapat memberikan anda pengetahuan yang tinggi, kebijaksanaan yang tinggi, kemudian anda berasa hebat dan sebagainya. Mesin ini menggunakan beberapa muzik terpilih, muzik luaran, jadi anda memerlukan fon telinga. Kemudian mereka alirkan elektrik, barangkali arus elektrik yang merangsang anda, kemudian barangkali anda terlihat kilauan. Jadi anda juga memerlukan penutup mata. Fon telinga dan penutup mata, itulah semuanya yang anda perlu untuk samadhi. Ini sangat baik, dan empat ratus dolar, sangat murah. Tetapi samadhi kami malah lebih murah, tidak memerlukan kos dan untuk selama-lamanya. Anda tidak memerlukan bateri atau kuasa elektrik, tidak perlu masukkan plag, keluarkan plag atau memperbaikinya sekiranya rosak.

Cahaya tiruan dan muzik tiruan ini dapat menjadikan manusia begitu tenang dan begitu cerdik. Itulah sebabnya mesin ini sangat hangat dan dijual dengan laris. Saya telah membaca dalam akhbar tentang ini, saya tidak pernah mencuba sendiri. Benda tiruan juga boleh menjadikan kita berasa tenang dan menambahkan I.Q. kita, jadi dapatkah anda bayangkan berapa banyak benda sebenar dapat membantu kita dalam kebijaksanaan kita? Benda sebenar adalah melampaui dunia ini tetapi boleh diperolehi oleh setiap orang, sekiranya kita ingin berhubung dengannya. Ini ialah muzik syurga dalaman dan bunyi syurga dalaman. Dan bergantung kepada kesungguhan cahaya dalaman atau muzik dalaman, dapatlah kita menolak diri kita sendiri memasuki alam akhirat, memasuki peringkat pemahaman yang lebih mendalam.

Saya fikir ini adalah sama dengan hukum fizik. Apabika anda ingin melancarkan roket melampaui graviti, anda memerlukan kuasa penolakan di belakang yang kuat, dan apabila terbang dengan sangat cepat ia juga mengeluarkan cahaya. Jadi saya fikir apabila kita bergerak dengan pantas memasuki alam akhirat, kita juga menyinarakan cahaya, dan kita juga dapat mendengar bunyi dalaman. Bunyi dalaman ialah sejenis kuasa getaran yang menolak kita memasuki peringkat yang lebih tinggi, tetapi ia melakukannya tanpa sebarang bunyi bising, tanpa banyak kesulitan, tiada kos dan tiada ketidakelesaian. Inilah caranya memasuki dunia akhirat.

Apakah kelebihan alam akhirat berbanding dengan dunia kita? Semua yang dapat kita bayangkan dan yang tidak dapat dibayangkan. Apabila kita mengalaminya, kita akan tahu. Sebenarnya, tiada sesiapa pun yang dapat memberitahu kita. Tetapi kita haruslah tabah, dan kita haruslah benar-benar ikhlas, kalau tidak tiada sesiapa pun dapat

melakukannya untuk kita. Perkara ini sama seperti tiada sesiapa pun dapat menggantikan anda untuk bekerja di pejabat PBB dan anda dibayar untuk itu. Perkara yang sama, tiada sesiapa pun dapat membantu kita makan dan menjadikan kita berasa puas. Oleh itu, caranya ialah mengalaminya. Kita boleh mendengar seseorang yang telah mengalaminya memberitahu kita, tetapi kita tidak dapat memperoleh banyak pengalaman daripada itu. Anda dapat mengalaminya satu kali, dua kali atau beberapa hari kerana kuasa orang itu yang mengalami Tuhan. Kita akan dapat lihat cahaya dan bunyi, dengan semula jadinya tanpa usaha kita, tetapi dalam kebanyakan kes, ia tidak kekal lama. Jadi, kita juga perlu mengalaminya dan melakukannya sendiri.

Selain dunia kita, terdapat banyak alam yang berlainan. Kita boleh mengambil satu contoh, seperti alam yang lebih tinggi sedikit daripada dunia kita, apa yang kita panggil alam 'astral' dalam istilah Barat. Dalam alam astral, terdapat seratus lebih peringkat yang berlainan. Setiap peringkat ialah satu alam yang tersendiri. Ia mewakili peringkat pemahaman kita. Ini adalah seperti kita memasuki universiti. Setiap tahap yang kita lalui di universiti mewakili penambahan pemahaman kita, tentang pengajaran universiti dan kemudiannya dengan perlahan-lahan kita menuju pengijazahan. Dalam alam astral, kita dapat melihat pelbagai jenis keajaiban. Mungkin kita akan tergoda oleh keajaiban dan mungkin juga kita memperoleh kuasa ajaib. Kita dapat menyembuhkan penyakit, kita kadangkala dapat melihat sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh orang lain. Kita mempunyai sekurang-kurangnya enam jenis kuasa ajaib. Kita dapat melihat di luar sempadan biasa, kita dapat mendengar di luar batasan ruang. Jarak tidak membuat sebarang perbezaan kepada kita. Itulah apa yang kita panggil telinga surgawi dan mata surgawi. Kadang-kadang kita dapat melihat menembusi pemikiran orang, apa yang ada di dalam fikirannya dan sebagainya. Ini ialah kuasa yang kadangkala kita peroleh apabila kita telah memasuki peringkat pertama Alam Tuhan.

Dalam peringkat pertama ini, saya telah berkata bahawa kita mempunyai banyak peringkat lain yang menawarkan banyak perkara di luar gambaran perkataan kepada kita. Apabila kita sampai di sana, sebagai contoh, selepas inisiasi, kita bermeditasi dan sekiranya peringkat kita berada di alam pertama, kita mempunyai banyak kebolehan. Kita mengembangkan bakat kesusasteraan kita yang kita tidak mempunyainya sebelum itu. Kita juga mengetahui banyak perkara yang tidak diketahui oleh orang lain dan banyak perkara datang kepada kita seperti anugerah daripada syurga, kadangkala kewangan, kadangkala kecerdikan dalam kerjaya dan banyak lagi perkara lain. Kita mula berkebolehan menulis sajak atau mungkin kita dapat melukis gambar, dan kita dapat melakukan sesuatu yang kita tidak mampu melakukannya sebelum itu. Kita tidak dapat membayangkan kita dapat melakukannya. Itulah peringkat pertama. Kita dapat menulis sajak dan menulis buku dengan gaya penulisan yang indah. Kita bolehlah seorang penulis bukan profesional sebelum itu, tetapi kita dapat menulis sekarang, sebagai contoh. Ini ialah faedah kebendaan yang dapat kita peroleh apabila kita berada di peringkat kesedaran pertama. Sebenarnya, ini bukanlah anugerah Tuhan. Perkara-perkara ini terdapat di syurga di dalam kita dan hanya kerana kita mengejutkannya, ia menjadi cergas dan kita dapat menggunakannya. Jadi, inilah setengah-setengah maklumat tentang peringkat pertama.

Apabila kita pergi ke peringkat yang lebih tinggi, sebagai contoh, kita melihat lebih banyak perkara lain, dan kita memperoleh banyak perkara lain. Sudah tentunya saya tidak dapat memberitahu anda semuanya. Ya, kerana masa, misalnya. Juga, adalah

tidak semestinya mendengar semua keelokan tentang kek dan gula-gula tetapi tidak makannya. Oleh itu, saya hanya membuat pengiklanan. Sekiranya anda ingin makannya, itu perkara lain. Kami menawarkan makanan sebenarnya selepas ini. Ya! Hanya sekiranya anda ingin makannya.

Sekiranya kita pergi lebih jauh sedikit dari peringkat ini ke peringkat kedua, kita panggil 'kedua' untuk memudahkan perkara, kita mungkin akan mempunyai lebih banyak kebolehan daripada peringkat pertama, termasuk kuasa ajaib. Tetapi pencapaian yang paling ketara yang dapat kita peroleh di peringkat kedua ialah kepetahan dan kebolehan untuk berdebat. Tiada sesiapa kelihatan mampu mengalahkan seseorang yang telah mencapai peringkat kedua kerana dia mempunyai kuasa kepetahan yang besar, dan intelexnya berkembang sepenuhnya.

Kebanyakan orang yang mempunyai fikiran yang biasa dan I.Q. yang sangat mudah tidak dapat bertanding dengan orang ini kerana I.Q.nya terbuka pada peringkat yang sangat tinggi. Bukan sahaja otak fizikal berkembang, tetapi juga kuasa mistik, kuasa syurga, kebijaksanaan yang diwarisi dalam kita. Ia mula membuka. Di India, orang memanggil peringkat ini 'Buddhi', bermaksud peringkat intelek. Apabila anda mencapai 'Buddhi', anda menjadi Buddha. Itulah datangnya perkataan 'Buddha'. Jadi Buddha hanyalah begitu, belum habis. Saya tidak akan memperkenalkan kepada anda Buddha sahaja, terdapat lebih banyak daripada itu. Kebanyakan orang memanggil seseorang yang mencapai kesedaran 'Buddha'. Sekiranya dia tidak mengetahui perkara melampaui peringkat kedua, dia mungkin berasa sangat megah akan ini. Ya, memikirkan dia seorang Buddha hidup dan anak-anak muridnya akan memanggilnya Buddha dengan megah sekali. Tetapi sebenarnya jika dia hanya mencapai peringkat kedua dan dapat melihat menembusi hal-hal lampau, sekarang dan hal akan datang seseorang yang dia pilih untuk dilihat dan mempunyai kepetahan bertutur yang sempurna, ini bukannya hujung Alam Tuhan.

Sesiapapun tidak seharusnya berasa megah akan kebolehan melihat hal lampau, sekarang dan hal akan datang ini kerana ini hanyalah rekod 'akashic', sebagaimana yang anda tahu dalam istilah Barat. Anda semua yang mengamalkan yoga atau setengah-setengah jenis meditasi memahami rekod akashic, iaitu sejenis perpustakaan sebagaimana yang kita ada di bilik sebelah di PBB, dengan semua jenis bahasa di dalamnya. Anda terlihat bahasa Arab, Rusia, Cina, Inggeris, Perancis, Jerman dan semuanya di dalam perpustakaan anda di bilik sebelah, semua jenis bahasa. Sekiranya anda berkebolehan membaca semua bahasa ini, anda mengetahui apa yang berlaku di negara itu. Faham? Begitu juga, seseorang yang telah memasuki peringkat kedua akan faham dan dapat mentafsirkan riwayat seseorang dengan sangat jelas, sebagaimana anda melihat biografi anda sendiri.

Terdapat lebih banyak lagi yang dapat diperoleh daripada peringkat kesedaran kedua. Tetapi apabila seseorang mencapai peringkat kedua, ini sudah hebat, sudah menjadi seorang Buddha hidup kerana 'Buddhi' atau intelek telah dibuka. Kita mengetahui banyak perkara yang tidak dapat kita gambarkan. Semua keajaiban akan terjadi pada kita, sama ada kita mahukannya atau tidak, kerana intelek kita telah terbuka dan tahu bagaimana berhubung dengan sumber penyembuhan dan sumber pengaturan yang lebih tinggi supaya kehidupan kita menjadi lebih selesa dan lebih baik. Intelek atau 'Buddhi' kita terbuka supaya dapat memperoleh maklumat hal lampau dan sekarang yang diperlukan untuk mengatur semula atau memggantirugikan kesalahan yang telah

dilakukan pada masa lampau. Anda faham? Supaya membetulkan kesilapan lalu menjadikan kehidupan kita lebih baik.

Sebagai contoh, kita tidak mengetahui bahawa kita telah menyinggung jiran dengan tindakan yang tidak sengaja, dan kita mengetahuinya sekarang. Anda faham? Sangat mudah! Sekiranya kita tidak tahu, jiran kita memusuhi kita dan kadangkala cuba melakukan sesuatu di belakang kita untuk mencederakan kita kerana salah faham atau kerana kita telah menyinggungnya. Tetapi sekarang kita tahu mengapa ia berlaku. Jadi, ia adalah mudah. Kita boleh berjumpa dengan jiran kita atau menelefonnya, atau boleh mengadakan parti, menjemput jiran kita lalu menyelesaikan kesalahfahaman. Begitu juga apabila kita mencapai peringkat intelek, kita secara automatiknya memahami semua ini dan mengatur semua ini secara senyap, atau berhubung dengan sumber kuasa yang dapat membantu kita mengatur semua ini, untuk memperbaiki kehidupan kita. Jadi, kita meminimumkan kemalangan, banyak situasi yang tidak diinginkan dan keadaan hidup kita yang tidak baik. Faham? Ya! Oleh itu, apabila kita mencapai peringkat kedua, ini sudah cukup hebat.

Apa yang saya terangkan kepada anda adalah sangat saintifik dan sangat logik, tidak perlu bertanggapan bahawa seorang yogi atau seorang yang bermeditasi ialah seseorang yang mistik atau E.T., pendatang asing. Mereka ialah makhluk bumi seperti sesiapa daripada kita, hanyalah intelegnya telah berkembang kerana mereka mengetahui caranya. Di Amerika, kita kata semuanya bergantung pada pengetahuan tentang caranya, jadi kita boleh mempelajari semua perkara. Betul? Kita boleh mempelajari semua perkara. Ini ialah sejenis sains melampaui dunia ini dan kita boleh mempelajarinya juga. Ini kedengaran sangat aneh, tetapi semakin tinggi sesuatu perkara, semakin mudah. Ini adalah lebih mudah daripada kita pergi ke sekolah tinggi atau kolej dengan semua soalan matematik dan masalah yang sangat rumit.

Terdapat banyak peringkat juga di peringkat kedua. Saya menjadikannya ringkas kerana saya tidak boleh perinci dalam semua rahsia syurga. Walau bagaimanapun, anda akan mengetahui semuanya juga apabila anda mengembara bersama-sama seorang Guru yang berpengalaman. Jadi ini bukannya rahsia. Tetapi terlalu lama sekiranya kita berhenti di setiap peringkat yang mempunyai banyak sub peringkat untuk meneliti semua perkara, terlalu memakan masa. Jadi kadangkala seorang Guru hanya membawa anda dari satu peringkat ke peringkat yang lain secara sepintas lalu sahaja, sangat cepat, kerana sekiranya anda tidak menjadi Guru, anda tidak perlu belajar begitu banyak. Ini akan menjadikan anda sakit kepala. Oleh itu, hanya membawa anda melaluinya kemudian balik, kerana malah ini mengambil masa yang panjang. Kadangkala ini mengambil masa seumur hidup. Tetapi kita memperoleh kesedaran dengan serta-merta. Tetapi itu hanyalah permulaan, seperti pendaftaran masuk. Pada hari pertama anda mendaftar masuk ke universiti, anda menjadi pelajar universiti dengan serta-merta. Tetapi itu tiada kaitan dengan ijazah Doktor Falsafah. Selepas enam tahun, empat tahun atau dua belas tahun anda memperoleh ijazah universiti. Tetapi dengan serta-merta anda menjadi pelajar universiti, sekiranya itu universiti sebenarnya, dan sekiranya anda mendaftar masuk, anda ingin menjadi seorang pelajar universiti sepenuh hati. Jadi, kedua-dua pihak harus bekerjasama.

Begitu juga, sekiranya kita ingin pergi melampaui dunia ini, sebagai contoh, kerana tiada tempat boleh kita pergi di New York, dan kita telah mengetahui semua perkara tentang Manhattan dan Long Beach, sekiranya kita ingin pergi ke tempat makhluk

asing untuk melihat keadaan di sana, baik juga! Mengapa tidak? Kita membelanjakan banyak wang pergi ke Miami, Florida hanya untuk mandi di laut, jadi mengapakah kita tidak kadangkala pergi ke alam yang berlainan di luar dunia ini untuk melihat keadaan planet-planet bersebelahan dan bagaimana kehidupan makhluk di sana? Saya tidak fikir ini sesuatu yang aneh. Ini hanyalah pengembaraan yang lebih jauh, bukan pengembaraan fizikal tetapi sebaliknya pengembaraan mental atau pengembaraan rohani.

Terdapat dua jenis pengembaraan. Ini adalah sangat logik dan sangat senang difahami. Inilah bagaimana kita hidup di dunia ini tetapi pada masa yang sama mempunyai pengetahuan tentang alam -alam lain. Anda faham? Kerana kita mengembara. Seperti anda ialah warganegara Amerika atau anda ialah warganegara lain dunia ini, tetapi anda mengembara dari satu negara ke negara yang lain hanya untuk mengetahui keadaan negara jiran. Saya fikir banyak antara kamu semua di PBB bukannya bumiputera Amerika. Bukan? Jadi sekarang anda tahu perkara yang sama. Kita boleh mengembara ke planet berhampiran atau peringkat hidup yang lain untuk memahaminya. Oleh sebab jaraknya begitu jauh, kita tidak dapat sampai dengan berjalan kaki, roket, malah piring terbang.

Setengah-setengah dunia piring terbang pun tidak dapat sampai. Terdapat sejenis kemudahan di dalam kita yang dapat terbang lebih cepat daripada piring terbang, iaitu roh kita sendiri. Kita boleh terbang dengan ini tanpa sebarang bahan api, tiada polis atau kesesakan lalu lintas dan sebagainya. Tidak perlu khuatir suatu hari nanti negara-negara Arab tidak menjual minyak kepada kita (Ketawa), kerana ia adalah bekal diri. Ia tidak akan rosak kecuali apabila kita ingin merosakkannya dengan melanggar peraturan alam semesta, melanggar keharmonian syurga dan bumi yang sangat mudah untuk dielakkan. Kami akan memberitahu anda caranya jika anda berminat mengetahuinya. Saya akan menjelaskannya secara ringkas. Saya bukan seorang pengkhotbah, jangan risau. Saya tidak membawa anda ke gereja, hanya sebagai misalan.

Ini ialah setengah-setengah peraturan alam semesta yang harus kita tahu, sebagaimana apabila kita memandu kereta, kita harus mengetahui peraturan lalu lintas. Lampu merah, anda berhenti; lampu hijau, kita jalan. Memandu di sebelah kiri, di sebelah kanan, kelajuan dan sebagainya. Terdapat setengah-setengah peraturan alam semesta yang sangat mudah. Anda faham? Melampaui dunia kita, melampaui alam fizikal ini, tiada sebarang peraturan, kita adalah bebas, warganegara bebas. Tetapi kita harus pergi melampaui dunia ini untuk menjadi bebas. Asalkan kita masih tinggal di dunia ini, di dalam badan fizikal, kita harus mematuhi peraturan sebaik mungkin supaya tidak mengalami kesusahan. Kenderaan kita tidak rosak jadi kita dapat terbang dengan lebih cepat, lebih tinggi tanpa sebarang masalah.

Peraturan-peraturan ini telah dicatat dalam kitab-kitab agama Kristian, agama Buddha dan agama Hindu. Yang mudah sekali adalah seperti kita tidak mencederakan orang lain, kita tidak membunuh, tidak berzina, tidak mencuri dan tidak meminum minuman keras, termasuk dadah hari ini. Mungkin Buddha telah mengetahui bahawa kita akan mencipta kokain dan sebagainya pada abad ke-20, jadi beliau kata 'tidak mengambil dadah'. Ini termasuk semua jenis perjudian dan sebarang bahan yang menjadikan fikiran kita terikat pada kepuasan fizikal dan terlupa akan pengembaraan rohani. Sekiranya kita ingin terbang dengan cepat, tinggi dan tanpa bahaya, inilah

peraturan-peraturan fizikal seperti hukum-hukum fizik. Apabila melancarkan roket, ahli sains harus memerhatikan hukum-hukum tertentu. Itulah semuanya. Jadi, betapa banyak lagi harus kita berhati-hati kerana kita ingin terbang lebih tinggi daripada roket, lebih cepat daripada piring terbang. Setengah-setengah perincian akan dijelaskan semasa inisiasi sekiranya anda berminat. Kami tidak mahu membosankan anda dengan semua petua ini yang anda kata, “Saya sudah tahu. Saya telah membaca sepuluh petua dalam kitab Injil.”

Sebenarnya, banyak daripada kita membaca petua-petua tetapi tidak mengambil berat tentangnya, atau tidak memahaminya secara mendalam. Atau mungkin kita ingin memahaminya dengan pandangan sendiri, tetapi bukan makna sebenarnya. Oleh itu, tidaklah jelik kadangkala mengingatkan kita, atau mendengar maksud yang lebih mendalam sedikit tentangnya sekali lagi. Sebagai contoh, dalam kitab Injil, dalam Old Testament, muka surat pertama, Tuhan berfirman, “Saya mencipta semua binatang untuk berkawan dengan anda dan membantu anda, dan anda harus menguruskan mereka.” Kemudian Tuhan bersabda bahawa Dia mencipta semua makanan untuk binatang-binatang, setiap satu berlainan jenis. Tetapi Dia tidak menyuruh kita makan mereka. Tidak! Dia berfirman, “Saya mencipta semua makanan, sayur- sayuran di kebun dan buah-buahan di atas pokok yang lazat rasanya dan menyenangkan mata. Inilah makanan anda.” Tetapi tidak banyak orang memberi perhatian terhadapnya. Banyak pengikut kitab Injil masih makan daging tanpa memahami maksud sebenar Tuhan.

Sekiranya kita membuat kajian saintifik yang lebih mendalam kita akan tahu bahawa kita tidak sesuai untuk pemakanan daging. Dari segi saintifik, sistem kita, usus-usus kita, perut kita, gigi kita, semuanya dicipta hanya untuk diet vegetarian. Tidaklah aneh kebanyakan orang sakit, cepat tua, letih dan lembam. Mereka adalah sangat pintar ketika dilahirkan tetapi bertambah dungu setiap hari dan semakin tua semakin teruk. Ini adalah kerana kita merosakkan kenderaan kita, piring terbang kita. Jadi sekiranya kita ingin menggunakan kenderaan ini dengan lebih lama dan lebih selamat, kita harus menjaganya dengan baik. Sebagai contoh, anda mempunyai sebuah kereta. Sekiranya anda memasukkan petrol yang salah ke dalamnya, apakah yang akan terjadi? Barangkali ia hanya akan berjalan beberapa kaki kemudian berhenti. Anda tidak menyalahkan kereta. Ini hanya kesilapan kita, kita tersilap masukkan bahan api yang bukan untuknya. Atau sekiranya petrol kita tercampur dengan sedikit air di dalamnya, barangkali ia dapat berjalan seketika, tetapi ia menimbulkan masalah. Betul? Atau sekiranya minyak kita terlalu kotor dan kita tidak membersihkannya, ia akan berjalan untuk seketika tetapi kita akan menghadapi masalah. Kadangkala ia meletup kerana kita tidak menjaga kereta kita dengan baik. Betul?

Begitu juga, badan kita seperti sebuah kenderaan yang boleh kita gunakan untuk terbang dari sini ke alam abadi, ke peringkat kebijaksanaan saintifik yang sangat tinggi. Tetapi kadangkala kita merosakkannya dan kita tidak menggunakannya bagi tujuan yang baik. Sebagai contoh, kereta kita adalah digunakan untuk membawa kita ke pejabat, kepada rakan kita dan pemandangan cantik yang berlainan. Tetapi kita tidak menjaganya, kita masukkan petrol yang salah, atau kita tidak menjaga minyak, kita tidak menjaga tangki air, semuanya. Jadi ia tidak berjalan cepat. Ia tidak berjalan lama. Kita hanya mengelilingi halaman rumah kita. Itu boleh juga. Tetapi ia hanya mensia-siakan tujuan kita membeli kereta. Ini hanyalah suatu pembaziran wang, masa dan tenaga kita. Itulah semuanya. Tiada sesiapaupun yang akan dipersalahkan. Tiada polis

yang akan membuat sebarang tuduhan terhadap anda. Ini hanyalah anda mensia-siakan kereta anda, membazirkan wang anda sedangkan anda boleh pergi ke tempat yang jauh untuk melihat banyak perkara dan menikmati pemandangan yang berlainan.

Begitu juga dengan badan fizikal kita, kita boleh tinggal di dunia ini, tetapi juga menjaga kelengkapan di dalam badan fizikal ini yang boleh terbang melampaui dunia fizikal. Seperti seorang angkasawan yang duduk di dalam roket. Roket ialah kelengkapannya. Dia harus menjaganya dengan baik, tidak melanggar hukum-hukum fizik agar roketnya dapat terbang dengan selamat dan cepat. Angkasawan di dalamnya adalah penting. Roket membawanya ke destinasiya tetapi roket bukanlah objek utama – angkasawan dan destinasi. Sekiranya dia menggunakan roket hanya untuk mengelilingi Long Island maka ini juga suatu pembaziran masa dan wang negara.

Jadi badan kita adalah sangat bernilai kerana Tuhan bersemayam di dalamnya. Itulah sebabnya di dalam kitab Injil, tertulis “Tidak tahukah anda bahawa anda ialah rumah ibadat Tuhan dan Tuhan Yang Maha Berkuasa tinggal di dalam anda.” Sekiranya kita menempatkan roh suci atau Tuhan Yang Maha Berkuasa, bolehkah anda bayangkan betapa besar maknanya? Tetapi banyak orang membaca ini sepintas lalu dan tidak memahaminya, tidak menyedari keagungan kalimat ini dan tidak berusaha mengetahuinya. Jadi inilah sebabnya anak-anak murid saya suka mengikuti ajaran saya, kerana mereka dapat mengetahui siapa bersemayam di dalam dan apa yang terdapat di alam akhirat, selain daripada pergelutan harian, pencarian wang, pemogokan dan semua masalah fizikal ini. Kita lebih cantik, lebih bebas dan lebih berpengetahuan di dalam. Sekiranya kita mengetahui cara yang betul untuk berhubung dengan ini, semua ini menjadi milik kita kerana kita mempunyainya di dalam. Ini hanyalah kerana kita tidak mengetahui di mana kuncinya. Kita telah mengunci rumah ini untuk suatu masa yang panjang dan sekarang kita telah lupa bahawa kita mempunyai harta ini. Itulah semuanya. Jadi yang kononnya Guru ialah seseorang yang dapat membantu kita membuka pintu dan menunjukkan kepada kita apa yang asalnya kita sudah miliki. Tetapi kita perlu mengambil masa, berjalan masuk ke dalam dan memeriksa semua barang yang kita ada.

Sekarang kita berada di alam kedua. Adakah anda masih berminat? (Jawab hadirin: Ya! Ya!) Anda ingin mengetahui semua perkara tanpa usaha? (Guru ketawa) Baiklah. Sekurang-kurangnya seseorang dapat memberitahu anda tentang keadaan di luar negeri yang pernah dia kunjungi walaupun anda belum. Betul? Sekurang-kurangnya anda berminat, mungkin anda ingin pergi. Jadi selepas dunia kedua, anda akan memiliki kuasa yang lebih besar. Sekiranya anda berazam kuat dan berusaha untuknya, anda akan mencapai alam ketiga.

Yang kononnya alam ketiga ialah alam fizikal yang paling tinggi. Seseorang yang mencapai alam ketiga haruslah sekurang-kurangnya bersih daripada segala hutang dunia ini sepenuhnya. Anda faham? Sekiranya kita berhutang sesuatu kepada raja dunia fizikal ini, kita tidak dapat naik ke sana. Sebagaimana sekiranya anda seorang penjenayah sesebuah negara dan anda belum dikeluarkan daripada rekod, anda tidak boleh keluar dari sempadan negara itu dan pergi ke negara lain. Hutang dunia ini termasuk banyak perkara yang kita lakukan pada masa lampau, sekarang dan mungkin pada hari-hari akan datang dalam kehidupan fizikal kita. Semua ini harus dijelaskan, sebagaimana kita jelaskan kastam, sebelum kita boleh berlepas ke alam ketiga. Tetapi semasa kita berada di alam kedua, kita sudah mula menjelaskan sebarang karma

tinggalan kehidupan lampau dan sekarang ini kerana tanpa karma masa lampau, kita tidak dapat wujud dalam kehidupan sekarang ini.

Terdapat dua kategori guru yang berlainan. Yang satu tidak mempunyai karma tetapi dia meminjam karma untuk turun ke dunia ini. Yang satu lagi adalah seperti kita, manusia biasa, tetapi karmanya telah dibersihkan. Jadi semua orang ialah bakal Guru, Guru akan datang. Kadangkala Guru turun dari alam yang lebih tinggi dengan karma yang dipinjam. ‘Meminjam karma’, bagaimana kedengarannya bagi anda? (Guru ketawa) Ini boleh jadi. Sebagai contoh, sebelum anda turun ke sini, anda pernah berada di sini sebelumnya. Anda telah mempunyai hubungan pemberian dan penerimaan dengan orang-orang dunia ini untuk berzaman-zaman atau beberapa ratus tahun. Kemudiannya anda pulang ke syurga atau tempat kediaman anda yang sangat jauh dari sini, peringkat-peringkat yang berlainan tetapi sekurang-kurangnya peringkat kelima. Itu Rumah Guru, peringkat kelima. Tetapi melebihi itu terdapat banyak lagi peringkat.

Jadi apabila kita ingin balik ke dunia ini atas sebab belas kasihan atau tugas yang diberikan oleh Tuhan, sebagai contoh, anda turun ke dunia ini. Oleh sebab perhubungan dengan orang-orang pada masa lampau, kita boleh meminjam setengah-setengah karma mereka. Hanya hutang, tiada apa-apa yang elok tentang orang-orang itu. Kita boleh meminjam setengah-setengah hutang dan kemudian kita menjelaskannya dengan kuasa rohani kita secara beransur-ansur sehingga kita menghabiskan tugas di dunia ini. Ini ialah jenis Guru yang berlainan. Terdapat juga mereka yang berasal dari dunia ini, setelah berlatih dengan serta-merta mereka menjadi Guru di sini, sama seperti mereka memperoleh ijazah. Oleh itu, samalah seperti dalam universiti kita mempunyai profesor-profesor dan terdapat pelajar-pelajar yang menjadi profesor kemudiannya. Faham? Terdapat profesor yang sudah lama menjadi profesor dan profesor yang baru berijazah. Begitu juga terdapat jenis-jenis Guru ini.

Sekiranya kita ingin pergi ke dunia ketiga, kita mestilah bersih daripada karma sepenuhnya. Karma ialah hukum ‘Apa yang anda tanam, anda menerima hasilnya’. Sama seperti kita menanam biji oren, kita memperoleh oren, biji epal, kita memperoleh epal. Jadi inilah kononnya karma, perkataan bahasa Sanskrit yang membawa makna sebab dan balasan. Kitab Injil tidak tertulis tentang karma tetapi tertulis ‘Apa yang anda tanam, anda menerima hasilnya’. Itu perkara yang sama.

Kitab Injil ialah ajaran Guru yang singkat. Kehidupan-Nya adalah pendek. Oleh itu tidak terdapat banyak penjelasan dalam kitab Injil. Banyak versi kitab Injil juga telah ditapis untuk menyesuaikan dengan pemimpin gerakan-gerakan ini yang tidak selalunya cenderung kepada kerohanian. Dalam semua jenis aspek kehidupan, manusia membeli dan menjual. Kita mengetahui bahawa kitab Injil yang sebenarnya adalah berbeza sedikit, lebih panjang sedikit, lebih tepat dan lebih senang difahami. Walau bagaimanapun, kita tidak akan membincangkannya kerana tidak banyak yang dapat kita buktikannya, kalau orang mengatakan kita mencaci kitab Injil. Jadi kita hanya boleh membincangkan sesuatu yang dapat kita buktikan.

Anda akan tanya saya, “Anda membincangkan alam kedua, alam ketiga dan alam keempat. Bagaimanakah anda membuktikannya?” Saya boleh membuktikannya. Sekiranya anda berjalan bersama-sama dengan saya, jalan yang sama, anda akan melihat perkara yang sama. Tetapi sekiranya anda tidak berjalan, saya tidak dapat

membuktikannya kepada anda. Itu sudah tentu. Oleh itu, saya berani membincangkan perkara ini kerana terdapat bukti. Kami mempunyai ratusan ribu anak murid di seluruh dunia yang boleh membuktikannya. Kami boleh mengatakan perkara yang kami tahu. Tetapi anda perlu berjalan bersama saya, anda tidak boleh berkata, “Anda jalan untuk saya, beritahu dan tunjukkan semua kepada saya.” Saya tidak mampu.

Sebagai contoh, sekiranya saya tidak berada di bilik PBB ini, tidak kira berapa banyak anda beritahu saya tentang bilik ini, saya tidak dapat benar-benar mengalaminya. Betul? Jadi kita harus berjalan bersama dengan sesiapa yang merupakan pembimbing yang berpengalaman. Setengah-setengah anak murid saya di bilik ini yang berwarganegara yang berlainan, mengalami setengah-setengah pengalaman yang saya beritahu anda tadi, sebahagian dan setengah-setengah sepenuhnya. Apa yang saya beritahu anda hanyalah sebahagian sahaja, bukan segala-galanya. Itu jenis kisah pengembaraan, menceritakan perkara-perkara dalam bahagian kecil dan tidak perinci sangat. Meskipun kita membaca sebuah buku tentang sesebuah negara, itu bukan negara yang sebenarnya. Betul? Oleh itu, kita mempunyai banyak buku tentang pengembaraan, tentang negara-negara yang berlainan di dunia ini, tetapi kita masih suka pergi ke sana sendiri. Betul?

Kita tahu tentang Sepanyol, Pulau Tenerife dan Yunani, tetapi ini hanya wayang gambar atau hanya buku sahaja. Kita harus pergi ke sana untuk benar-benar mengalami keseronokan berada di sana, menikmati makanan yang dihidangkan, air laut yang segar, cuaca yang baik, penduduk yang mesra dan semua keadaan yang tidak dapat kita alami dengan membaca buku.

Seandainya anda telah melalui alam ketiga, apa berikutnya? Sudah tentu anda mencapai alam yang lebih tinggi -- alam keempat. Alam keempat ialah alam yang benar-benar luar biasa. Kita tidak boleh memerikan semua perkara ini kepada orang biasa dengan hanya menggunakan bahasa yang mudah kerana takut menyinggung perasaan penguasa alam itu. Alam itu sangat cantik walaupun setengah-setengah bahagiannya sangat gelap, lebih gelap daripada malam New York semasa ketiadaan bekalan elektrik. Pernahkah anda mengalami bandar dalam kegelapan seluruh dan sepenuhnya? Ya! Itu lebih gelap daripadanya! Sebelum anda menemui cahaya, itu lebih gelap daripadanya. Itu bandar larangan. Sebelum kita mencapai Kebenaran Tuhan, kita dihalang di sana. Tetapi dengan adanya seorang Guru yang berpengalaman, anda dapat melaluinya. Sekiranya tidak, kita tidak dapat menemukan jalan di dunia macam itu.

Apabila kita mencapai peringkat alam yang berlainan, kita bukan sahaja mengalami perubahan rohaniah tetapi juga perubahan fizikal, perubahan intelek dan segala-galanya dalam kehidupan kita. Kita mempunyai pandangan hidup, jalan hidup dan cara melakukan kerja yang berlainan. Malah kerja harian kita membawa makna yang berlainan dan kita faham mengapa kita melakukan kerja dengan cara ini, mengapa kita harus melakukan kerja ini dan mengapa kita patut mengubah kerja itu. Kita mengetahui tujuan kehidupan kita, jadi kita tidak lagi berasa gelisah dan terganggu. Kita menanti dengan penuh harmoni dan sabar untuk menyelesaikan misi kita di dunia ini, kerana kita tahu ke mana kita pergi seterusnya. Kita tahu sementara kita masih hidup. Inilah apa yang dikatakan ‘mati sementara hidup’. Ya, ya! Saya agak setengah-setengah daripada anda pernah mendengar sesuatu seperti ini sebelumnya. Tetapi saya tidak tahu seseorang Guru yang dapat mengatakan hal ini dengan cara yang

berlainan, (Guru ketawa) melainkan kita harus mengalami kegembiraan dalaman yang sebenarnya. Bagaimanakah seseorang dapat memberi gambaran yang berlainan tentang rupa bentuk kereta Mercedes Benz? Betul? Itu seharusnya benda yang sama. Sesiapa yang memiliki Mercedes Benz, yang mengetahui Benz akan memberikan gambaran yang sama, tetapi bukan Benz yang sebenarnya.

Jadi walaupun saya bercakap dengan anda dengan menggunakan bahasa yang sangat biasa, tetapi ini bukanlah perkara yang biasa, ini perkara yang perlu kita alami sendiri, dengan usaha, keikhlasan dan dengan bimbingan seseorang yang berpengalaman supaya lebih selamat. Walaupun ia mungkin berlaku, kita melakukannya dengan sendiri antara sejuta orang, tetapi ia adalah berbahaya, berisiko dan hasilnya tidak terjamin, tidak selamat sangat. Setengah-setengah orang masa lampau seperti Swedenborg dan Gurdjieff telah berjaya melakukannya dengan sendiri. Tetapi bagi mereka yang saya temui yang melakukannya sendiri, tiada dalam kalangan mereka yang tidak menemui bahaya dan banyak kesulitan, dan tidak semestinya mereka semua mencapai peringkat tertinggi.

Selepas alam keempat, anda mencapai peringkat yang lebih tinggi -- alam kelima, iaitu Rumah Guru. Semua Guru berasal dari sana. Sungguhpun peringkat mereka adalah lebih tinggi daripada peringkat kelima, mereka akan tinggal di sana. Itu tempat kediaman Guru. Peringkat-peringkat seterusnya terdapat banyak lagi aspek ketuhanan yang sukar untuk difahami. Saya khuatir mengelirukan anda, jadi mungkin lain kali saya beritahu anda, atau mungkin selepas inisiasi apabila anda lebih bersedia, saya akan beritahu anda perkara-perkara di luar imaginasi anda, supaya tidak menimbulkan idea-idea yang salah tentang Tuhan.

S. Anda menyebut Guru boleh meminjam karma seseorang. Dalam kes ini karmanya dihapuskan, untuk orang-orang ini? Apakah kesannya untuk orang-orang ini?

G. Ya. Guru boleh menghapuskan karma sesiapa pun, sekiranya itu pilihannya. Sebenarnya karma masa lampau semua anak murid dihapuskan semasa inisiasi. Saya hanya meninggalkan karma masa sekarang untuk anda, supaya anda dapat meneruskan kehidupan ini, kalau tidak anda mati serta-merta. Tidak boleh tinggal di sini sekiranya tiada karma. Oleh itu Guru hanya menghapuskan karma simpanan, supaya seorang itu menjadi bersih, dan meninggalkan sedikit karma untuknya meneruskan kehidupan ini, melakukan apa-apa yang harus dilakukan dalam kehidupan ini, dan meniaggalkan dunia ini apabila tiba masanya. Itulah sebabnya dia boleh pergi, kalau tidak mana boleh? Walaupun mungkin dia adalah bersih dalam kehidupan ini, tetapi bagaimana dengan kehidupan masa lampau? Faham?

S. Apakah tujuan pengamalan rohani?

G. Apakah tujuannya? Belumkah saya beritahu anda? Untuk mengembara ke alam - alam luar, kembali ke Alam Tuhan, mengenali kebijaksanaan anda, malah menjadi manusia yang lebih sempurna dalam kehidupan ini.

S. Adakah karma terdapat di semua alam ?

G. Tidak semuanya, sehingga alam kedua sahaja, kerana fikiran kita, otak kita, komputer ini, dihasilkan di peringkat kedua itu. Kita turun dari peringkat yang lebih tinggi ke peringkat fizikal ini untuk menyempurnakan setengah-setengah tugas. Malah Guru juga turun dari peringkat kelima ke dunia fizikal. Dia harus melalui peringkat

kedua, mengambil komputer ini dan memasangkannya untuk melakukan kerja di dunia ini. Sama seperti penyelam yang selam ke dalam laut. Dia harus disediakan dengan kedok oksigen dan semuanya. Walaupun dia sendiri tidak kelihatan begitu jelik, tetapi apabila dia memakai kedok oksigen dan baju selam, dia kelihatan seperti katak. Kita kelihatan aneh kerana komputer dan badan fizikal ini. Kalau tidak kita sangat cantik. Walaupun anda fikir anda adalah cantik sekarang, tetapi anda begitu hodoh berbanding dengan diri anda yang sebenarnya, kerana segala alat yang harus kita pakai untuk selam ke dunia ini untuk menjalankan tugas. Jadi apabila kita melalui peringkat kedua untuk naik ke peringkat yang lebih tinggi, kita harus meninggalkan komputer kita di sana, kita tidak perlukannya lagi di sana. Sebagaimana apabila seorang penyelam sampai di tepi pantai, dia menanggalkan kedok oksigen dan semua kelengkapan, menampakkan diri sebenarnya.

S. Terima kasih. Anda kata bahawa di hujung alam kedua, sebelum ke peringkat seterusnya, anda meninggalkan semua karma atau anda perlu menyelesaikan semua karma anda. Adakah itu bermakna semua karma masa lampau dan karma masa sekarang?

G. Ya. Kerana tiada komputer untuk merakamkan sebarang perkara. Kita mempunyai karma kerana kita mempunyai komputer ini, fikiran, otak yang digunakan untuk merakamkan semua pengalaman dunia fizikal. Itulah sebabnya kita mempunyai karma. Baik atau buruk dirakamkan di dalamnya. Itulah apa yang kita panggil karma. Apa itu karma? Hanya pengalaman, baik atau buruk, reaksi kita, pengalaman pembelajaran kita dalam banyak kehidupan kita. Kerana kita mempunyai apa yang kononnya suara hati, kita tahu bahawa kita harus menjadi baik tetapi kadangkala kita melakukan kesalahan. Oleh itu kita memanggilnya karma. Perkara-perkara buruk menindih kita, seperti banyak sampah, beg bagasi kerana tarikan graviti. Ia menarik kita ke bawah dan menjadikan kita susah menaiki gunung. Faham? Kerana terdapat banyak peraturan moral di dunia ini, banyak peraturan, banyak adat, banyak tabiat, di negara-negara yang berlainan, mengikat kita pada ini yang kononnya konsep baik dan buruk, berdosa dan murni. Oleh itu apabila kita berinteraksi dengan orang-orang dunia ini, kita mempunyai pengalaman baik dan buruk, berdosa dan murni mengikut adat, tabiat dan undang-undang negara itu. Faham? Ia menjadi suatu tabiat. Kita fikir bahawa kita melakukan ini, kita berdosa, kita melakukan itu, kita orang yang jahat. Semua ini direkodkan di dalam otak. Itu yang menyebabkan kita transmigrasi dari satu kehidupan ke kehidupan yang lain dan mengikat kita dalam dunia fizikal atau dunia yang lebih tinggi sedikit daripadanya. Tetapi tidak cukup tinggi, tidak cukup bebas. Kita tidak cukup ringan untuk terapung tinggi. Faham? Kerana semua konsep dan praanggapan ini.

S. Adakah sudah ditakdirkan kita akan mencapai suatu peringkat tertentu dalam setiap kehidupan apabila kita dilahirkan?

G. Tidak. Kita mempunyai keinginan bebas untuk berlari lebih cepat atau lebih lambat. Sebagai contoh, anda mengisikan seratus liter petrol ke dalam kereta anda. Anda boleh berjalan dengan lebih cepat dan lebih cepat sampai di destinasi atau anda berjalan dengan lebih lambat, terpulang kepada anda.

S. Apakah peringkat malaikat?

G. Apakah peringkat malaikat? Ia bergantung kepada malaikat jenis apa.

S. Malaikat pelindung.

G. Malaikat pelindung boleh mencapai setinggi peringkat kedua. Martabat malaikat

adalah kurang daripada manusia. Mereka adalah untuk berkhidmat untuk kita.

S. Tidak pernahkah mereka melampaui peringkat kedua?

G. Tidak! Kecuali apabila mereka menjadi manusia. Mereka semua sangat cemburu akan manusia, kerana Tuhan mengahuni di dalam mereka. Kita mempunyai segala 'kemudahan' untuk bersatu dengan Tuhan, malaikat tidak. Ini adalah rumit. Saya akan membincangkannya dengan anda lain kali. Malaikat yang berlainan jenis dicipta untuk kegunaan kita. Misalnya, sekiranya ia dicipta oleh Tuhan, ia juga adalah untuk berkhidmat untuk kita. Mereka tidak perlu melampaui peringkat kedua walaupun mereka boleh. Kadangkala sesuatu dicipta tanpa perancangan untuk memperbaikinya. Faham? Sebagai contoh, dalam rumah anda terdapat sesuatu yang dicipta untuk kegunaan anda sendiri. Walaupun ia sangat hebat, misalnya anda duduk di sini dan anda dapat menutup dan membuka lampu di seluruh rumah dan taman anda, dan membuka dan menutup televisyen, kerana anda menciptanya untuk anda sendiri, tetapi ini hanya untuk berkhidmat untuk anda. Walaupun ia adalah lebih baik daripada anda dalam setengah-setengah aspek, seperti ia dapat mengawal semua alatan elektrik di satu tempat dan anda tidak dapat melakukannya dengan keupayaan manusia, tetapi itu tidak bermakna ia lebih baik daripada anda. Ia dicipta bertujuan tunggal untuk berkhidmat untuk anda. Walaupun ia lebih baik daripada anda dari segi tertentu, tetapi komputer tidak akan menjadi manusia.

S. Saya ingin tahu sama ada sekarang ini kita mempunyai tubuh manusia kerana berbuat dosa pada masa kehidupan lampau. Adakah kita sentiasa berada di peringkat ini atau sebelum ini kita berada di peringkat yang lebih tinggi? Apakah sikap dan pandangan yang perlu ada untuk melampaui peringkat ini, bebas daripada tubuh badan?

G. Kita boleh bebas daripada ini sekiranya kita mengetahui caranya. Terdapat banyak kaedah yang berlainan untuk meninggalkan badan dan melampaui dunia ini. Setengah-setengahnya tidak jauh, setengah-setengahnya sangat jauh dan setengah-setengahnya sampai ke penghujung. Berdasarkan perbandingan yang telah saya buat ke atas kaedah-kaedah yang berlainan sejak saya masih muda lagi, kaedah kami adalah yang terbaik, dapat mencapai peringkat terjauh, peringkat penghujung.

Terdapat banyak kaedah, sekiranya anda ingin mencuba, anda boleh pilih. Terdapat banyak dalam pasaran, setengah-setengah pergi ke dunia astral, setengah-setengah pergi ke peringkat yang lebih tinggi, ketiga atau keempat, tetapi tidak banyak yang dapat pergi ke peringkat kelima. Kaedah kami adalah untuk membawa anda ke peringkat kelima, kemudian membiarkan anda bebas. Faham? Membiarkan anda berjalan sendiri. Anda dapat mendekati aspek Tuhan yang berlainan, melampaui peringkat kelima, tetapi tidak selalunya menyenangkan. Kita sentiasa berfikir bahawa lebih tinggi lebih baik, itu tidak selalunya betul. Sebagai contoh, kadangkala kita masuk ke istana yang cantik dan kita dijemput masuk ke dalam bilik tamu tuan rumah. Kita duduk di sana dan dihidangi minuman sejuk, makanan yang lazat dan semuanya. Kemudian kita ingin masuk ke dalam sikit untuk melihat-lihat. Kita akan masuk ke tempat pembuangan sampah dan anda mengetahui banyak perkara dalam rumah itu. Ia tidak selalunya penting. Kita juga memasuki bilik janakuasa yang terletak di belakang rumah, melampaui rumah itu, dan kita terkena kejutan elektrik lalu meninggal di sana. Jadi tidak selalunya perlu atau dicadangkan untuk masuk lebih dalam, tetapi kita boleh melakukannya untuk tujuan pengembaraan.

S. Saya mempunyai dua soalan. Pertama, sekiranya anda mempunyai ingatan tentang kehidupan lampau, ingatan ini datang dari alam apa? Kedua, bagaimanakah kehidupan-kehidupan lampau berkaitan dengan karma sekarang?

G. Ya, ya. Sangat berkaitan. Anda boleh membaca rekod tentang kehidupan lampau, itu sudah pasti. Sebagaimana yang sudah saya beritahu anda, rekod-rekod tentang kehidupan lampau datang dari rekod akashic. Ini ialah sejenis perpustakaan di alam kedua yang boleh dikunjungi oleh sesiapa sahaja yang dapat mencapainya. Bukan semua orang boleh masuk ke dalam perpustakaan PBB. Tetapi saya boleh, misalnya hari ini, saya dijemput untuk bersyarah di PBB. Betul? Bukan semua orang boleh masuk, tetapi anda boleh, kerana anda ialah anggota di sini. Begitu juga, apabila kita mencapai alam kedua, kita boleh membaca rekod tentang kehidupan lampau. Juga, apabila kita mencapai setengah-setengah tempat di alam pertama, kita dapat mengimbas kehidupan lampau seseorang. Tetapi itu tidaklah tinggi sangat dan rekodnya tidak lengkap sangat.

Bagaimanakah pengalaman-pengalaman kehidupan lampau berkaitan dengan karma sekarang? Kita boleh kata ini ialah pengalaman yang telah kita pelajari untuk membolehkan kita mengendalikan kehidupan masa sekarang. Faham? Apa yang anda serap pada masa lampau akan dijadikan amalan kehidupan sekarang. Begitu juga, terlalu banyak pengalaman tidak enak pada masa lampau yang boleh menjadikan anda takut, apabila anda melihat setengah-setengah simbol yang sangat sama dengan yang dilihat pada masa kehidupan lampau. Sebagai contoh, anda jatuh dari anak tangga secara tidak sengaja dan cedera parah di tempat yang gelap, dan tiada sesiapa pun menolong anda. Sekarang apabila anda menuruni anak tangga, anda akan berasa takut sedikit, terutamanya apabila ia adalah dalam dan gelap di bawah, anda akan melawan sama ada menuruninya atau tidak. Atau sekiranya kehidupan yang lampau anda telah belajar dan menyelidik secara mendalam dalam sesuatu bidang sains, anda akan mendapati anda masih lagi sangat berminat dalam bidang ini sekarang. Anda cenderung menjalani sebarang penyelidikan sains, walaupun anda bukan seorang ahli sains sekarang. Sebarang perkara sebegini.

Mozart seorang genius. Beliau terus bermain piano ketika berumur empat tahun dan menjadi terkenal sehingga sekarang. Beliau seorang genius kerana beliau sudah berlatih semasa kehidupan-kehidupan lampau sehingga menguasainya, tetapi meninggal dunia selepas itu. Beliau meninggal dunia sebelum mencapai kemuncak kerjayanya dan tidak puas hati meninggalkan kerjayanya kerana sangat menyukai muzik. Jadi beliau datang balik dan semua pengalaman yang diperoleh daripada bakat muziknya pada masa lampau datang balik kepadanya, kerana beliau mempunyai idaman yang begitu kuat untuk meneruskan kerjayanya ketika meninggal. Faham? Setengah-setengah daripada orang ini mempelajari banyak perkara daripada alam astral atau alam kedua sebelum dilahirkan semula di dunia ini. Oleh itu mereka mempunyai bakat yang hebat dalam bidang sains, muzik, kesusasteraan atau dalam sebarang jenis penciptaan yang tidak diketahui orang, penciptaan yang sangat luar biasa sehingga orang lain tidak dapat memahaminya, malah tidak dapat impikan untuk menciptanya. Mereka telah melihatnya dan telah mempelajarinya. Oleh itu terdapat dua jenis pembelajaran, iaitu di dunia ini atau di luar dunia ini. Mereka yang berbakat dan cemerlang, seperti genius, ialah pakar dari alam lain seperti alam astral, alam kedua dan kadangkala alam ketiga sekiranya dia pilih untuk datang balik. Mereka adalah cemerlang. Mereka ialah genius.

S. Apakah syarat-syarat inisiasi? Bagaimanakah menjalani latihan harian selepas inisiasi?

G. Pertama, semuanya adalah percuma dan tiada ikatan, kecuali anda harus mengikat diri anda sendiri sekiranya anda ingin menjalani latihan rohani. Syaratnya ialah, tidak memerlukan pengalaman dan pengetahuan tentang sebarang yoga atau meditasi tetapi

harus menjadi vegetarian sepanjang hidup. Tidak boleh makan telur. Susu dan keju boleh. Sebarang makanan tanpa pembunuhan boleh. Telur yang tidak disenyawakan juga tidak boleh kerana melibatkan pembunuhan separuh. Telur juga cenderung menarik kuasa negatif. Oleh sebab itu banyak orang dalam bidang sihir hitam dan putih, atau banyak pengamal voodoo, menggunakan telur untuk menyerap keluar entiti dari orang yang kerasukan. Anda mengetahuinya atau tidak? (Seseorang jawab: Ya.) Anda mengetahuinya? Oh, itu bagus sekali! Sekurang-kurangnya saya mempunyai bukti serta-merta, sekiranya bukan Penerangan serta-merta, untuk anda. (Ketawa) Semasa inisiasi, anda mengalami cahaya dan bunyi Tuhan. Muzik rohani menarik anda naik ke peringkat kesedaran yang lebih tinggi. Anda akan memahami perasaan samadhi -- kedamaian dan kegembiraan yang mendalam. Selepas itu anda terus untuk berlatih di rumah, sekiranya anda adalah serius. Sekiranya anda tidak, saya pun tidak dapat mendesak anda, saya tidak dapat mempedulikan anda lagi. Sekiranya anda teruskan dan mahukan saya membantu anda sepanjang jalan, saya teruskan. Itulah caranya. Bermeditasi dua jam setengah setiap hari. Selepas bangun pada waktu pagi dan sebelum tidur, bermeditasi dua jam, dan mungkin setengah jam pada masa makan tengah hari. Semasa saya tidak bersyarah di sini, anda mempunyai satu jam untuk makan tengah hari. Anda boleh bersembunyi di sesuatu tempat dan bermeditasi. Itu sudah satu jam. Pada waktu senja, anda bermeditasi satu jam atau setengah jam lagi. Pada waktu pagi, bangun satu jam lebih awal. Mengaturkan kehidupan anda, kurangkan TV, kurangkan pengumpulan, kurangkan telefon, kurangkan akhbar, justeru itu anda mempunyai banyak masa. Adalah benar kita mempunyai banyak masa tetapi kadangkala kita membazirkan masa kita. Sama seperti kereta kita mengelilingi kawasan belakang rumah tetapi bukan pergi ke Long Island. Adakah anda puas dengan itu? (Penanya jawab: Ya.)

Tiada syarat untuk anda, tiada apa-apa, hanya anda sendiri ingin menjalani latihan ini sepanjang hidup. Setiap hari anda mengalami pelbagai perubahan menjadi lebih baik dan pelbagai keajaiban dalam kehidupan, bukanlah anda meminta untuk mendapatkannya. Walau bagaimanapun ia akan berlaku. Faham? Kemudian anda benar-benar mengalami keadaan sebagaimana di syurga sewaktu di bumi ini, sekiranya anda benar-benar serius akannya. Itulah sebabnya beratus-ratus ribu anak murid kami masih mengikuti saya selepas bertahun-tahun, kerana mereka mempunyai pengalaman yang semakin baik, kerana mereka adalah serius akannya dan berlatih.

S. Tolong jelaskan sifat kesedaran.

G. Sifat kesedaran. Baiklah. Adalah sukar untuk terangkan tetapi anda boleh menggunakan kepintaran anda untuk membayangkannya. Ini ialah kebijaksanaan, seperti anda mengetahui sesuatu dengan lebih jelas daripada sebelumnya, mengetahui sesuatu melampaui dunia ini, mengetahui sesuatu di dunia ini yang anda tidak tahu sebelum ini, dan memahami banyak perkara yang anda tidak faham sekarang dan sebelumnya. Itulah kesedaran. Juga, apabila anda buka kesedaran ini, atau yang kononnya kebijaksanaan, anda akan benar-benar memahami siapa diri anda, mengapa anda berada di sini, terdapat alam apa lagi selain dunia ini, dan siapa lagi selain manusia. Faham? Terdapat banyak perkara. Jadi peringkat kesedaran ialah darjah kefahaman yang berlainan, sama seperti pengijazahan kolej. Semakin banyak anda belajar, semakin banyak anda tahu, sehingga pengijazahan. Adakah anda puas? Adalah sukar untuk menerangkan sesuatu yang abstrak, tetapi saya telah cuba. Itu ialah keinsafan. Adalah sukar untuk menerangkan keinsafan. Apabila anda pergi ke peringkat kesedaran yang berlainan, yang lebih tinggi, keinsafan anda adalah berlainan. Anda mempunyai pengetahuan dan perasaan yang berlainan terhadap perkara-perkara.

Anda dalam kedamaian, ketenangan dan kebahagiaan sepenuhnya. Anda tiada kebimbangan, dan semua perkara dalam kehidupan harian menjadi jelas kepada anda. Anda tahu bagaimana menguruskan perkara-perkara dan bagaimana menyelesaikan masalah-masalah dengan lebih baik. Itu pun sudah memanfaatkan di peringkat fizikal. Hanya anda tahu bagaimana anda berasa di dalam diri anda. Adalah sukar untuk menerangkan perkara-perkara ini. Sama seperti anda berkahwin dengan seorang perempuan yang anda cintai, bagaimana anda rasa, hanya anda tahu. Tiada seorang pun dapat merasainya untuk anda.

S. Guru yang dihormati, terima kasih atas penjelasan yang anda berikan. Saya tidak tahu sama ada anda boleh menjawab satu soalan dalam hati saya. Mengapakah terdapat begitu banyak Guru di bumi hari ini untuk memberikan peluang kepada kita belajar dengan begitu cepat, sedangkan begitu susah pada masa dahulu? Bolehkah anda jelaskan?

G. Tentu boleh. Kerana pada masa sekarang, komunikasi lebih baik, kita tahu lebih tentang Guru-guru. Bukannya Guru-guru tidak wujud pada masa dahulu, atau tidak dapat ditemui. Sudah tentu adalah betul bahawa setengah-setengah Guru lebih mudah ditemui daripada yang lain. Itu bergantung kepada pilihannya, kerelaannya atau pertaliannya dengan orang ramai. Tetapi sentiasa terdapat satu, dua, tiga, empat atau lima orang Guru pada setiap zaman, bergantung kepada keperluan masa itu. Kita tahu lebih tentang kehadiran Guru-guru yang berlainan, mungkin Guru-guru dengan darjah yang berlainan, kerana pada masa ini kita bernasib baik mempunyai media massa, televisyen, siaran radio dan buku yang kita cetak beribu-ribu juta naskah dalam masa yang singkat. Pada masa dahulu, kita ingin mencetak sebuah buku, kita perlu menebang pokok dahulu, menetaknya dengan kapak mudah, yang cepat menjadi rosak dan tumpul, mengasahnya dengan batu, mengukir perkataan demi perkataan dan sebagainya. Apabila anda ingin memindahkan seluruh set kitab Injil, ia menggunakan seluruh konvoi. Faham? Trak besar, sekiranya terdapat trak pada masa itu. Jadi itulah sebabnya mengapa kita tahu banyak Guru. Anda bernasib baik. Anda boleh pilih sesiapa yang anda mahu. Jadi tiada sesiapa pun dapat menipu anda dan berkata, "Sayalah yang terbaik." Anda boleh membuat perbandingan dan menggunakan kebijaksanaan dan kepintaran untuk menimbang. "Oh, ini lebih baik.", "Saya lebih suka yang itu.", "Muka kelihatan teruk." atau "Oh, itu -- hodoh."

S. Anda kata boleh memilih Guru. Adakah anda akan memberi inisiasi kepada seseorang yang telah diinisiasi oleh Guru lain?

G. Saya akan memberikan inisiasi hanya sekiranya orang itu benar-benar percaya bahawa saya lebih mampu membawanya ke peringkat yang lebih tinggi dan lebih cepat. Kalau tidak lebih baik tetap pada Guru seseorang sekiranya masih berasa sangat terikat dan sangat setia pada Guru itu. Sekiranya anda percaya Guru anda adalah yang terbaik, jangan tukar. Sekiranya anda masih mempunyai keraguan dan sekiranya anda masih belum dapat cahaya dan bunyi yang saya sebut, anda seharusnya cuba. Kerana cahaya dan bunyi ialah ukuran piawai untuk seorang Guru sebenar. Sekiranya sesiapa tidak mampu memberikan cahaya dan bunyi serta-merta kepada anda, dia bukan seorang Guru sebenar, minta maaf. Jalan ke syurga dilengkapi dengan cahaya dan bunyi. Sama seperti anda selam ke dalam laut, anda harus dilengkapi dengan kedok oksigen dan semuanya. Terdapat benda-benda untuk tujuan yang berlainan. Itu sebabnya anda nampak lingkaran cahaya kesucian pada santo. Itu cahaya. Apabila anda melatih kaedah ini, anda menyinari cahaya yang sama seperti yang dilukis pada gambar Jesus, dan orang boleh nampaknya. Orang yang berkuasa ghaib dapat nampak cahaya anda.

Itulah sebabnya mereka melukis Jesus dan Buddha dengan lingkaran cahaya, dengan cahaya di sekitar Mereka. Anda dapat nampak pengamal rohani darjah tinggi mempunyai cahaya ini sekiranya mata ketiga anda terbuka. (Guru tunjuk ke dahinya) Banyak orang dapat nampak itu. Ada sesiapa dalam kalangan anda nampak? Anda? Apa yang anda nampak?

S. Saya dapat nampak aura.

G. Ya, tetapi aura adalah berlainan daripada cahaya. Aura mempunyai warna yang berlainan, kadangkala hitam, kadangkala warna kopi, kadangkala kuning atau merah, bergantung kepada perasaan hati pada masa itu. Tetapi apabila anda nampak seseorang mempunyai aura rohani yang kuat, anda tahu ia adalah berbeza. Betul? Ya.

S. Saya bukan benar-benar mempunyai soalan. Saya pernah menjalani latihan raja yoga untuk seketika. Saya fikir saya juga nampak aura. Maksud saya pada masa itu saya tidak berapa jelas tentangnya.

G. Anda tidak nampaknya sekarang? Anda hanya kadangkala nampaknya?

S. Tidak, saya tidak bermeditasi sekarang.

G. Itu sebabnya anda kehilangan kuasa anda. Anda harus bermeditasi semula sekiranya anda masih mempercayai kaedah itu. Ia membantu anda ke tahap tertentu. Ia tidak memudaratkan.

S. Saya nampak lima petua dalam risalah anda. Anda harus hidup mengikut lima petua ini setelah inisiasi?

G. Ya, ya, ya. Ini ialah peraturan alam semesta.

S. Saya tidak faham dengan tidak berzina.

G. Itu bermakna sekiranya anda sudah mempunyai seorang suami, tolong jangan fikirkan yang kedua. (Hadirin ketawa) Sangat mudah. Amalkan kehidupan yang mudah, tiada kerumitan dan pertengkaran atas emosi. Ia melukai hati orang lain. Kita tidak mencederakan orang lain secara emosi juga. Kita cuba elakkan pertelingkahan, cuba elakkan penderitaan, secara emosi, fizikal dan mental untuk semua orang, terutamanya mereka yang kita sayangi. Itulah semuanya. Sekiranya anda sudah mempunyai satu, jangan beritahu dia. Ia menyakitkan apabila anda beritahu. Selesaikannya secara perlahan-lahan dan secara diam-diam. Kadangkala orang fikir sekiranya mereka mempunyai hubungan sulit, mereka balik dan mengakuinya di hadapan isteri atau suami, adalah sangat bijak dan sangat jujur. Itu karut. Itu tidak baik. Anda telah melakukan kesilapan, mengapa anda membawa sampah pulang ke rumah dan membiarkan orang lain menikmatinya? Sekiranya dia tidak tahu tentangnya, dia tidak berasa begitu teruk. Anda faham? Mengetahui perkara sebenar hanya menyakitkan. Jadi kita cuba selesaikan masalah itu dan tidak melakukannya lagi. Lebih baik jangan beritahu teman anda tentang ini, kerana ini akan mencederakannya, mencederakan teman anda.

S. Saya mendapati banyak Guru rohani mempunyai deria lucu yang besar. Apakah hubungan antara deria lucu dengan amalan rohani?

G. Saya agak mereka berasa gembira dan kendur terhadap semua perkara. Mereka dapat mengetawakan diri mereka sendiri, mengetawakan orang lain dan mengetawakan perkara-perkara dalam kehidupan ini yang orang begitu tegang dan serius akannya. Kita berasa kendur setelah berlatih. Kita tidak berasa begitu serius lagi. Kita tidak khuatir sama ada hidup atau mati esok, sama ada memiliki atau kehilangan segala-galanya. Kita mempunyai kebijaksanaan dan kemampuan yang mencukupi untuk menjaga diri sendiri dalam segala situasi setelah memperoleh Penerangan. Jadi kita

tidak takut akan sebarang perkara. Kita kehilangan ketakutan dan kebimbangan kita. Itu sebabnya kita berasa kendur. Kita berasa terpisah daripada dunia ini. Apa-apa yang kita peroleh atau hilang tidak lagi membawa makna yang besar. Sekiranya kita memperoleh banyak benda, itu hanya untuk kebajikan orang dan mereka yang disayangi, kita menawarkannya. Kalau tidak, kita tidak memikirkan diri kita atau kehidupan kita begitu penting untuk menempuh segala pergelutan dan penderitaan untuk mengekalkannya. Baik juga kalau kita mengekalkannya. Itu tidak bermakna kita duduk di katil paku sepanjang hari dan bermeditasi. Tetapi kita bekerja. Faham? Sebagai contoh, saya masih bekerja. Saya melukis dan membuat kraftangan untuk membiayai kehidupan saya. Saya tidak mahu menerima derma daripada sesiapa pun. Malah pendapatan saya begitu banyak sehingga saya dapat membantu orang. Saya dapat membantu pelarian-pelarian, mangsa-mangsa bencana dan sebagainya. Mengapakah tidak harus kita bekerja? Kita mempunyai begitu banyak bakat dan kemampuan. Kehidupan menjadi begitu senang untuk kita setelah memperoleh Penerangan, kita berasa tidak perlu bimbang. Faham? Kita berasa kendur dengan semula jadinya. Itulah bagaimana deria lucu dilahirkan. Saya agak itu sebabnya. Anda fikir saya berderia lucu? (Hadirin: Ya.) (Ketawa dan tepuk tangan) Ya. (Guru ketawa) Biarlah kita harap begitu, untuk kebaikan anda, supaya anda tidak mendengar pada seorang yang belum memperoleh Penerangan selama dua jam, membazirkan masa anda.

S. Terdapat banyak soalan membanjiri fikiran saya. Dalam usaha mengejar kerohanian, kita selalunya bertanya dan memperoleh teori-teori dan cerita-cerita, tetapi saya ingin mendengar pandangan anda. Pertama, siapakah kita? Siapakah saya? Bagaimanakah saya terjerumus ke dalam keadaan yang sukar ini dan harus balik ke Rumah? Bagaimanakah saya meninggalkan Rumah dan mengapakah penting untuk balik ke Rumah? Anda juga sebut tentang balik ke alam kelima, dan tidak semestinya penting untuk pergi lebih jauh daripadanya. Tetapi sekiranya pergi lebih jauh daripada itu, apa pula tujuannya? Apakah hubungannya dengan saya sekiranya saya tidak pergi ke sana?

G. Baiklah, satu per satu. Saya fikir saya akan jawab soalan-soalan kumpulan pertama dulu. Kumpulan pertama terdiri daripada ‘Siapakah anda? Mengapakah anda berada di sini? Mengapakah harus anda balik ke Rumah? Mengapakah dunia kelima dan bukan keenam?’ Betul? Mudah. Ia menjadi lucu sekarang. (Ketawa dan tepuk tangan) Berhubung dengan soalan ‘Siapakah saya?’, anda boleh tanya guru Zen yang banyak sekali di negeri New York. Anda boleh lihat pada halaman kuning dan cari satu. (Ketawa) Saya tidak ahli dalam itu. Yang kedua, ‘Mengapakah anda berada di sini?’, mungkin kerana anda suka berada di sini. Kalau tidak, kita ialah anak Tuhan, siapakah yang boleh memaksa kita berada di sini? Yang kononnya anak Tuhan adalah seperti Tuhan. Seorang putera adalah sama dengan raja, dalam setengah-setengah aspek, atau lebih kurang seperti raja, bakal raja. Jadi hanya apabila dia ingin berada di sesuatu tempat, akan dia berada di sana. Kita mempunyai pilihan bebas untuk berada di syurga atau di mana-mana saja untuk mengalami sesuatu untuk kita sendiri. Barangkali sejak awal lagi anda telah memilih untuk berada di sini, berzaman-zaman dahulu, untuk mempelajari sesuatu yang lebih menakutkan. Setengah-setengah orang sukakan pengalaman yang menyeramkan. Sebagai contoh, seorang putera boleh berada di dalam istana tetapi boleh jadi dia mengembara di dalam rimba kerana dia suka menerokai alam semula jadi. Itu boleh jadi. Boleh jadi kita begitu bosan di syurga kerana semuanya telah disediakan. Jadi kita ingin membuat sesuatu untuk diri kita sendiri. Sama seperti keluarga diraja, kadangkala mereka ingin memasak untuk diri

mereka sendiri dan tidak mahukan pekerja mendekati mereka. Mereka melumur diri mereka sendiri dengan sos tomato dan minyak di seluruh badan tetapi mereka menyukainya. Tidak kelihatan sangat seperti putera tetapi mereka sukakannya. Jadi, sebagai contoh, saya mempunyai orang yang memandu untuk saya. Di mana-mana saja saya pergi, orang suka menjadi pemandu saya. Tetapi kadangkala, saya suka memandu untuk saya sendiri. Saya memandu motosikal tiga roda kecil saya, motosikal tiga roda tanpa asap, tenaga elektrik, sepuluh kilometer sejam. Saya suka ke mana-mana saja seperti itu. Kerana ke mana-mana saja saya pergi, orang memerhatikan saya, jadi kadangkala saya ingin pergi ke suatu tempat orang tidak mengenali saya.

Saya seorang yang silu kecuali apabila saya terpaksa bercakap dalam syarahan, kerana ia sudah menjadi tanggungjawab saya sejak orang menemukan saya dan menjadikan saya terkenal sehingga sekarang. Saya tidak dapat larikan diri begitu acapkali tetapi kadangkala saya larikan diri, untuk dua tiga bulan. Sama seperti seorang isteri yang dimanjakan yang melarikan diri daripada suaminya. Itu pilihan saya. Jadi mungkin anda telah memilih untuk berada di sini seketika, dan mungkin sekarang masanya anda ingin balik kerana telah cukup anda mempelajari perkara-perkara dunia ini. Anda berasa tiada apa-apa lagi yang ingin anda pelajari, anda letih dengan pengembaraan. Anda ingin berehat. Balik Rumah, dapatkan rehat dulu. Kemudian lihat sama ada anda ingin teruskan lagi atau tidak, dengan perjalanan pengembaraan. Itu semuanya yang dapat saya terangkan.

Berhubung dengan mengapa perlu anda balik Rumah dan mengapa alam kelima dan bukan keenam, itu terpulang kepada anda. Selepas alam kelima, anda boleh pergi ke mana-mana saja yang anda suka. Terdapat banyak lagi peringkat di atas. Faham? Tetapi adalah lebih selesa dan lebih neutral untuk tinggal di alam kelima. Tenaga terlalu kuat di peringkat-peringkat seterusnya, mungkin begitu. Anda boleh pergi untuk seketika tetapi anda tidak akan berehat di sana. Sebagai contoh, rumah anda adalah cantik, tetapi terdapat setengah-setengah bahagian rumah adalah untuk bilik rehat dan anda tidak akan berehat di tempat-tempat lain selama-lamanya, walaupun ia adalah melampaui rumah anda. Atau bukit kelihatan lebih tinggi lebih cantik, tetapi ia bukan tempat untuk berehat. Atau dalam bahagian kuasa elektrik di dalam rumah anda, penjana adalah bising, kuat, hangat, panas dan berbahaya. Anda tidak akan berada di sana walaupun ia adalah sangat berguna untuk rumah anda. Faham? Itu semuanya. Terdapat banyak aspek Tuhan yang tidak dapat kita bayangkan. Kita selalu berfikir lebih tinggi kita pergi, lebih kuat kuasa kasih sayangnya. Tetapi terdapat jenis-jenis kasih sayang yang berlainan. Terdapat kasih sayang yang kuat, kasih sayang yang lemah dan kasih sayang yang neutral. Tuhan akan memberikan kadar kasih sayang yang berlainan kepada kita, bergantung kepada tahap yang dapat kita tanggung. Peringkat-peringkat yang berlainan menawarkan kadar kasih sayang yang berlainan daripada Tuhan. Tetapi kadangkala ia terlalu kuat, kita berasa seperti tercair menjadi reben.

S. Saya nampak begitu banyak kebinasaan hutan dan kekejaman terhadap binatang. Bagaimanakah anda melihat perkara ini dan apakah cadangan anda kepada orang yang cuba membebaskan diri mereka daripada dunia ini dengan menjalani amalan rohani, untuk membantu mereka mengendalikan perkara-perkara di sekitar mereka dan semua kebinasaan di sekitar mereka? Adakah anda berfikir sudah mencukupi untuk melampaui dunia ini atau anda berasa mempunyai tanggungjawab di dunia ini untuk cuba meringankan penderitaan? Adakah ia mendatangkan sebarang kebaikan dengan berbuat begitu?

G. Ia mendatangkan kebaikan. Sekurang-kurangnya untuk kita, untuk suara hati kita supaya kita berasa kita melakukan sesuatu dan telah mencuba sebaik mungkin untuk meringankan penderitaan orang lain. Saya melakukan semua yang sama. Apa yang anda tanya, saya sedang melakukannya. Saya melakukannya sebelum ini, sekarang dan akan terus melakukannya pada masa depan. Saya sudah memberitahu anda, kadangkala sumber kewangan kami diagihkan kepada pertubuhan di negara-negara yang berlainan apabila mereka ditimpa malapetaka. Saya tidak suka membesar-besarkan tentangnya, tetapi kerana anda menanyakannya, saya beritahu anda. Sebagai contoh, tahun lepas kami memberi bantuan dalam bencana letusan Gunung Berapi Pinatubo di Filipina. Kami juga membantu mangsa banjir di Au Lac, China dan sebagainya. Sekarang kami sedang mencuba untuk membantu pelarian-pelarian Au Lac bagi mengurangkan beban PBB, sekiranya PBB inginkan kami bantu. Kami cuba sedaya upaya. Faham? Kami memberikan sokongan kewangan, dan sekiranya PBB setuju, dengan berkat PBB, kami juga boleh menempatsemulakan mereka. Faham?

Oleh sebab kita sudah berada di sini, kita akan cuba membersihkan persekitaran kita sebanyak mungkin. Oleh itu, kami membantu meringankan penderitaan orang dan membantu meningkatkan taraf moral dunia ini, kedua-duanya dari segi rohani dan segi fizikal. Kerana setengah-setengah orang tidak mahukan pengetahuan rohani daripada saya, mereka hanya mahukan bantuan fizikal. Jadi kami memberikan bantuan fizikal kepada mereka. Itulah apa yang kami lakukan, itulah sebabnya saya harus mendapatkan wang. Saya tidak mahu hidup bergantung pada derma-derma orang. Semua rahib dan anak murid saya bekerja, sama seperti anda. Salain membantu meringankan penderitaan dunia ini, kami membantu orang dari segi rohani. Kita terpaksa melakukannya, tidak bermakna kita bermeditasi dalam samadhi sepanjang hari dan menikmatinya. Di sini kita tidak mahukan Buddha yang hanya mementingkan diri sendiri.

S. Tadi anda sebut bahawa di suatu peringkat kita insaf kita mempunyai kuasa daripada kesedaran itu. Sekiranya anda insaf akan kuasa ini, bagaimanakah anda membuat keputusan sama ada menggunakannya atau tidak? Kalau tidak menggunakannya, bagaimana anda sabar melihat perkara-perkara yang berlaku di sekitar. Seperti anda melihat proses-proses mengambil masa yang panjang, anda tahu anda boleh berdoa atau membuat sesuatu untuk membawa keputusan yang lebih baik dan lebih cepat. Bagaimanakah menggunakan kuasa ini? Apakah kesan penggunaan kuasa ini? Anda faham maksud saya?

G. Saya faham. Apa yang anda maksudkan ialah apabila kita mempunyai kuasa mengubah perkara-perkara dan apabila perkara-perkara di sekitar mengambil cara birokrasi yang lambat, bagaimana anda sabar melihatnya. Betul? Atau anda akan berdoa atau membuat sesuatu sihir untuk mendesaknya. Betul? Tidak, saya mempunyai kesabaran kerana kita harus bekerja mengikut langkah dunia supaya ia tidak menjadi kacau-bilau. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak tidak dapat berlari. Tidak boleh kerana anda tergesa-gesa atau ingin berlari, anda mengakibatkannya terjelompok dan jatuh. Jadi kita harus bersabar. Walaupun kita mempunyai tenaga untuk berlari, kita berjalan dengan kanak-kanak. Itulah sebabnya kadangkala saya juga berasa hampa dan tidak sabar, tetapi saya harus mengajar diri saya sendiri supaya bersabar. Saya terpaksa tunduk kepala saya dari satu presiden ke presiden yang lain untuk hal-hal pelarian. Walaupun kami memberikan semua sokongan kewangan, memberikan semua yang kami ada, berjuta-juta dolar, namun kami terpaksa melalui sistem birokrasi. Kami menerima sebarang situasi. Faham? Saya tidak akan menggunakan kuasa ghaib untuk menjadikan PBB melakukan sesuatu. Kita akan

mengakibatkan malapetaka di dunia ini sekiranya kita menggunakan kuasa ghaib fizikal. Faham? Ia harus berjalan sebagaimana ia berjalan.

Tetapi kita boleh menggunakan kuasa dan kebijaksanaan rohani untuk meningkatkan taraf kesedaran orang. Memberikan pengetahuan kepada orang supaya mereka rela melakukannya dan memberikan kerjasama. Itu cara yang terbaik, bukan menggunakan kuasa ghaib. Saya tidak pernah sengaja menggunakan kuasa ghaib dalam sebarang aspek kehidupan tetapi keajaiban berlaku pada pengamal rohani. Itu secara semula jadi, bukan sengaja. Tidak cuba mendesak perkara-perkara. Itu tidak baik. Kanak-kanak tidak dapat berlari. Anda puas dengan jawapan saya? Sekiranya tidak puas silalah beritahu saya, kerana saya boleh jelaskan dengan lebih lanjut. Tetapi saya percaya bahawa anda adalah sangat pintar, orang pilihan paling pintar dari semua negara. Oleh itu saya tidak terangkan dengan terperinci. Adalah baik kita mempunyai PBB. Kita menghapuskan banyak konflik dunia dan peperangan walaupun tidak dapat meminimumkannya dengan sepenuhnya. Saya baca buku PBB bertajuk 'Everyone is United Nations'. Saya telah melakukan setengah-setengah kerja PBB. Saya harus memuji usaha dan kecekapan PBB dalam menyelamatkan orang-orang tebusan yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain. Semua kuasa dunia tidak dapat melakukannya tetapi seorang pesuruhjaya PBB telah melakukannya. Dan banyak perkara-perkara lain berkaitan dengan bantuan malapetaka dan masalah pelarian. Saya dengar anda bertanggungjawab ke atas kira-kira dua belas juta orang pelarian. Itu kerja yang banyak, peperangan dan sebagainya. Jadi adalah baik kita mempunyai PBB. Itu sangat baik.

S. Terima kasih Guru Ching Hai kerana berkongsi kebijaksanaan anda dengan kami. Saya mempunyai satu soalan tentang peningkatan populasi dunia. Masalah kemusnahan persekitaran dan peningkatan permintaan terhadap makanan timbul akibatnya. Apakah pandangan anda terhadap masalah peningkatan populasi ini? Adakah ini karma dunia? Adakah ini akan mencipta karma pada masa depan?

G. Sangat baik juga mempunyai lebih banyak orang di dunia ini. Mengapa tidak? Lebih sesak, lebih banyak bunyi bising, lebih banyak keriaan. Bukan? (Ketawa) Sebenarnya bukan kita mempunyai populasi yang berlebihan. Hanyalah kita tidak tersebar luas secara sama rata. Orang terkumpul di kawasan-kawasan dunia tertentu dan tidak mahu berpindah ke kawasan lain. Itulah semuanya. Kita mempunyai begitu banyak kawasan terbiar yang luas, yang tidak digunakan. Banyak pulau dan dataran tinggi yang luas hanyalah hutan dan tidak terdapat apa-apa di sana. Orang-orang suka bertumpu di New York, misalnya, (Ketawa) kerana lebih banyak keriaan di sini. Sekiranya sesebuah kerajaan mampu mewujudkan industri dan mengambil pekerja yang berlainan di kawasan-kawasan yang berlainan, orang-orang akan pergi ke sana untuk bekerja. Mereka bertumpu di setengah-setengah tempat kerana lebih senang untuk mendapatkan kerja. Sekiranya keselamatan dan peluang pekerjaan terdapat di tempat-tempat lain itu, orang-orang akan pergi ke sana juga. Mereka akan pergi untuk keselamatan, untuk rezeki mereka. Itu adalah sangat natural. Jadi tidak seharusnya kita takut tentang populasi berlebihan. Kita harus lebih berorganisasi untuk memberikan lebih banyak manfaat peluang pekerjaan, perumahan dan keselamatan kepada orang-orang dunia ini. Dengan itu semua tempat adalah sama, kita tidak akan menghadapi masalah populasi berlebihan.

Berkaitan dengan soalan anda tentang makanan, anda seharusnya tahu lebih banyak tentangnya, kerana di Amerika kita mempunyai begitu banyak maklumat tentang bagaimana memelihara dunia ini. Diet vegetarian ialah salah satu cara yang terbaik untuk memelihara sumber-sumber dunia bagi membekalkan makanan yang mencukupi

untuk seluruh populasi dunia. Kita membazirkan banyak makanan vegetarian, tenaga kerja, tenaga elektrik dan ubat untuk memelihara binatang. Faham? Padahal ia boleh digunakan untuk manusia secara langsung. Banyak negara dunia ketiga menjual makanan vegetarian kaya protein mereka pada harga yang lebih rendah tetapi itu tidak dapat membantu populasi negara-negara lain. Kita seharusnya membahagikan semua makanan secara sama rata (diet vegetarian akan membantu ini), bukan hanya untuk kita sendiri, bukan hanya untuk binatang-binatang, tetapi untuk seluruh dunia. Satu laporan penyelidikan dalam sebuah majalah mengatakan bahawa sekiranya kita makan makanan vegetarian, dunia ini tidak akan ada kebuluran lagi. Kita juga harus lebih berorganisasi. Saya kenal seseorang, dia dapat menghasilkan makanan berkhasiat, malah susu daripada bran beras. Kita telah membincangkannya dalam syarahan lalu. Beliau kata beliau berbelanja kira-kira tiga ratus ribu dolar bagi menghasilkan makanan untuk enam ratus ribu orang di Sri Lanka, mereka yang miskin, kekurangan gizi, ibu-ibu dan sebagainya. Itu hebat.

Kita membazirkan sumber-sumber semula jadi di banyak tempat di dunia ini, bukannya kita tidak mempunyai sumber-sumber yang mencukupi. Tuhan tidak akan membiarkan kita lapar. Sebenarnya kita melaparkan diri kita sendiri. Jadi kita harus berfikir dan membuat penyusunan semula. Itu memerlukan berkat banyak kerajaan negara. Mereka harus memberkati kita dengan keikhlasan, kebersihan, maruah dan kemahuan mereka untuk berkhidmat untuk orang, bukannya untuk kepentingan sendiri. Sekiranya kita mendapat berkat daripada semua kerajaan negara, kita sebenarnya tidak mempunyai masalah. Kita harus mempunyai kepemimpinan yang baik, organisasi ekonomi yang baik, bakat pemerintahan dan kerajaan yang ikhlas. Itu dapat berlaku dengan lebih cepat apabila banyak orang, kebanyakan orang atau semua orang menjalani latihan rohani. Mereka mengetahui disiplin, petua, bagaimana menjadi ikhlas dan bersih, bagaimana menggunakan kebijaksanaan mereka, dapat memikirkan banyak perkara untuk dilakukan dan menyusun semula kehidupan kita. Faham? Sekiranya anda hanya mendapatkan kuasa dengan wang anda atau wang yang dikutip daripada orang ramai dan kemudian cuba mengumpulkan wang yang sama semula sebelum anda kehilangan kuasa, itu tidak membantu langsung. Tidak kira sama ada anda duduk di atas lombong emas atau tidak, orang mati kepapaan juga. Pemimpin banyak negara harus menyedari kuasa dan tanggungjawab mereka, harus memikirkan kepentingan orang dan menyusun semula sistem.

S. Itu kelihatan susah kerana sebagaimana yang saya lihat, banyak kemusnahan alam sekitar hari ini berkaitan dengan peningkatan permintaan populasi terhadap ruang hidup, rumah dan cara kehidupan era abad ke-20. Misalnya rimba di Brazil, kemusnahan alam sekitar yang berlaku di sana seperti kemusnahan hutan hujan tropika dan keranggasan telah mengakibatkan banjir berlaku. Tiada antaranya yang tidak berkaitan dengan kelebihan populasi.

G. Sudah tentu di dunia ini semuanya berkaitan antara satu dengan yang lain. Satu-satu penyelesaian ialah dari akarnya, bukan dari dahan. Akarnya ialah kestabilan rohani. Faham? (Tepuk tangan) Jadi apa yang harus kita buat ialah cuba menyebarkan mesej rohani, apa yang kita tahu dan berpegang kepada disiplin rohani. Itu apa yang kita kurang. Boleh juga untuk plagkan diri anda pada mesin, memperoleh setengah-setengah cahaya dan muzik dengung dan memperoleh samadhi. Tetapi sekiranya anda tidak mempunyai disiplin moral, kadangkala anda menggunakan kuasa untuk perkara-perkara buruk, tidak dapat mengawalinya. Faham?

Itu sebabnya dalam kumpulan ini, kami mengajarkan petua-petua dahulu. Petua-petua adalah penting. Kita harus mengetahui ke mana kita pergi dan mengawal

penggunaan kuasa kita dengan bijak. Kuasa tanpa kasih sayang, tanpa belas kasihan, tanpa pemahaman yang sewajarnya tentang nilai moral tidak ada gunanya. Ia menjadi sihir hitam, disalahgunakan. Itu dari mana sihir hitam datang. Faham? Adalah mudah untuk memperoleh Penerangan, tetapi susah untuk mengekalkannya. Bagi kaedah kami, sekiranya anda tidak benar-benar berdisiplin dan bermoral, Guru akan mengambil setengah-setengah kuasa daripada anda supaya anda tidak dapat menyalahgunakannya dan melakukan sesuatu yang buruk terhadap masyarakat. Faham? Itu perbezaannya. Kuasa Guru mengawalnya.

Saya sangat gembira dengan semua soalan anda yang pintar. Orang-orang menyalahgunakan tanah dan sebagainya kerana kekurangan kebijaksanaan. Jadi akarnya ialah kebijaksanaan, amalan rohani.

S. Saya tahu saya bergelut untuk menunaikan amalan rohani. Saya tahu saya sedang bergelut dengan sesuatu yang bergelut dengan saya. Soalan saya ialah bagaimanakah dapat saya melampaui pergelutan ini? Bagaimanakah dapat saya memenangnya?

G. Sekiranya sesuatu adalah terlalu mudah, anda tahu anda kehilangan cabaran, malah anda tidak mahu memenangnya. Oleh itu, kita mempunyai dua kuasa dalam diri kita. Kita panggil dia 'yin' dan 'yang' dalam istilah Timur dan Cina. Kita panggil negatif dan positif dalam istilah Barat. Kuasa negatif mendorong kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kemahuan kita, dan kuasa positif membantu kita menawan kecenderungan itu. Kadangkala kita kalah, kadangkala kita menang, bergantung kepada disiplin rohani dan kuasa kita. Jadi cuba bergelut dan teruskan, sama seperti PBB bergelut dengan isu pelarian dan peperangan di dunia ini. Kadangkala anda menang akhirnya, ia mengambil sedikit pergelutan. Saya berterima kasih atas perhatian anda. Semoga semuanya terbaik.

Aforisme

"Inisiasi bukanlah benar-benar inisiasi... anda hanya datang ke sini dan membiarkan saya membantu anda membantu diri anda sendiri. Saya bukan datang ke sini untuk menjadikan anda anak murid... saya datang untuk membantu anda menjadi Guru."

~Mahaguru Ching Hai~

"Semua orang sudah tahu bagaimana bermeditasi, tetapi anda bermeditasi pada perkara yang salah. Setengah-setengah orang bermeditasi pada perempuan cantik, setengah-setengah pada wang, setengah-setengah pada perniagaan. Setiap kali anda memberikan perhatian penuh, dengan sepenuh hati, pada sesuatu perkara, itu meditasi. Saya hanya memberi perhatian kepada Kuasa Dalaman, kepada sifat-sifat belas kasihan, kasih sayang dan kemurahan hati Tuhan."

~Mahaguru Ching Hai~

INISIASI: KAEDAH KUAN YIN

Guru Ching Hai memberi inisiasi kepada mereka yang ikhlas, yang rindu untuk mengetahui Kebenaran. Istilah Cina "Kuan Yin" bermakna renungan pada getaran bunyi. Kaedah ini termasuk meditasi pada kedua-dua Cahaya Dalaman dan Bunyi Dalaman. Pengalaman-pengalaman dalaman ini telah digambarkan secara berulang kali dalam kesusasteraan rohani semua agama dunia sejak zaman kuno.

Bunyi dalaman dipanggil Firman, Logos, Shabd, Tao, Aliran Bunyi, Naam atau Muzik Syurga. Mahaguru Ching Hai berkata, "Ia bergetar dalam semua hidupan dan menyokong seluruh alam semesta. Melodi dalaman ini dapat menyembuhkan semua kelukaan, menunaikan semua hajat dan menghilangkan semua keinginan duniawi. Ia adalah berkuasa dan berkasih sayang penuh. Oleh sebab kita dicipta oleh Bunyi ini, perhubungan dengannya membawa kedamaian dan kepuasan kepada kita. Setelah mendengari Bunyi ini, kita berubah, keseluruhan pandangan kita terhadap kehidupan berubah menjadi lebih baik."

Intensiti Cahaya Dalaman atau Cahaya Tuhan adalah dalam lingkungan dari cahaya yang lembut ke cahaya yang sangat terang seperti berjuta-juta matahari. Adalah dengan melalui Cahaya dan Bunyi Dalaman ini dapat kita mengenali Tuhan.

Inisiasi Kaedah Kuan Yin bukanlah ritual sulit atau upacara untuk memasuki suatu agama baru. Semasa inisiasi, petunjuk khusus untuk meditasi pada Cahaya dan Bunyi Dalaman diberikan, dan Guru Ching Hai memberikan 'transmisi rohani'. Rasa pertama Kehadiran Ketuhanan diberikan dalam kesenyapan. Guru Ching Hai tidak perlu hadir secara fizikal bagi membuka pintu ini untuk anda. Transmisi ini ialah bahagian penting Kaedah ini. Tanpa berkat Guru, teknik ini dengan sendirinya tidak mendatangkan sebarang faedah.

Oleh sebab anda terdengar Bunyi Dalaman dan ternampak Cahaya Dalaman dengan serta-merta semasa inisiasi, peristiwa ini kadangkala dirujuk sebagai 'Penerangan tiba-tiba' atau 'Penerangan serta-merta'.

Guru Ching Hai menerima orang dari semua agama dan latar belakang untuk inisiasi. Anda tidak perlu mengubah agama atau sistem kepercayaan anda. Anda tidak akan diminta untuk menyertai sebarang organisasi, atau mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan yang tidak sesuai dengan gaya hidup anda sekarang.

Walau bagaimanapun, anda akan diminta untuk menjadi vegetarian. Pengamalan diet vegetarian penuh seumur hidup ialah syarat mesti untuk menerima inisiasi. Makanan daripada sumber tumbuh-tumbuhan dan hasil tenusu dibenarkan dalam diet ini, tetapi semua makanan lain daripada sumber binatang termasuk telur tidak dibenarkan.

Inisiasi ditawarkan secara percuma.

Anda hanya perlu berpegang kepada 'Lima Petua' dan berlatih meditasi Kaedah Kuan Yin setiap hari selepas inisiasi. Petua-petua ini ialah garis panduan untuk membantu anda supaya tidak mencederakan diri anda sendiri dan sebarang hidupan lain. Amalan-amalan ini akan mendalami dan menguatkan lagi pengalaman Penerangan awal anda, dan akhirnya membenarkan anda mencapai peringkat Kesedaran tertinggi untuk anda sendiri. Tanpa latihan harian, sudah tentu anda akan melupai Penerangan anda dan kembali ke peringkat kesedaran yang biasa.

Tujuan Guru Ching Hai adalah mengajari kita supaya berdikari. Oleh itu, Beliau mengajarkan Kaedah yang dapat dilatih oleh semua orang dengan sendiri tanpa sebarang sokongan atau perkakas. Beliau tidak cuba mendapatkan pengikut-pengikut, pemuja-pemuja atau anak-anak murid, atau menubuhkan organisasi untuk mengutip yuran. Beliau tidak menerima wang, sembah sujud atau hadiah anda, anda tidak perlu menawarkan ini kepadanya.

Beliau hanya menerima keikhlasan anda untuk memajukan diri anda sendiri dalam kehidupan harian dan latihan meditasi untuk menjadi santo.

LIMA PETUA

1. Tidak membunuh (termasuk pengamalan diet vegetarian penuh)
2. Tidak berbohong
3. Tidak mencuri
4. Tidak berzina
5. Tidak minum minuman keras (termasuk tidak menggunakan dadah, tidak berjudi dan tidak mendekati sebarang bahan bacaan atau ubat yang merangsang perasaan)

Aforisme

"Orang yang bersifat Tuhan sepenuhnya ialah manusia yang sepenuhnya. Manusia yang sepenuhnya mempunyai sifat-sifat Tuhan yang sepenuhnya. Sekarang kita hanya separuh manusia. Kita melakukan perkara-perkara dengan keraguan, kita melakukan perkara-perkara dengan ego. Kita tidak percaya bahawa Tuhanlah yang mengatur semuanya untuk keseronokan kita, untuk pengalaman kita. Kita memisahkan dosa dan kemurnian. Kita membesar-besarkan semua perkara, dan dengan itu kita menghakimi diri kita sendiri dan orang lain. Kita menderita pengehadan kita terhadap apa yang harus dilakukan oleh Tuhan. Faham? Sebenarnya, Tuhan adalah di dalam kita tetapi kita mengehadkan-Nya. Kita suka berseronok dan bermain, tetapi kita tidak tahu caranya. Kita berkata kepada orang lain, 'Ah, anda tidak seharusnya melakukan itu!' dan kepada diri kita sendiri, 'Saya tidak seharusnya melakukan itu. Saya mesti tidak melakukan ini. Jadi mengapakah harus saya menjadi vegetarian?' Yeah! Saya tahu. Saya seorang vegetarian kerana Tuhan di dalam saya mahukannya."

~Mahaguru Ching Hai~

"Apabila perbuatan, pertuturan dan pemikiran kita adalah murni, walaupun hanya untuk satu saat, semua dewa dan malaikat pelindung akan menyokong kita. Pada saat itu, seluruh alam semesta adalah milik kita dan menyokong kita, dan takhta menunggu kita untuk memerintah."

~Mahaguru Ching Hai~



MENGAPA PATUT KITA MENJADI VEGETARIAN

Pengamalan diet vegetarian penuh seumur hidup ialah syarat mesti untuk inisiasi. Terdapat banyak sebab untuk ini, tetapi yang paling penting datang dari Petua Pertama yang menasihatkan kita supaya tidak mengambil nyawa hidup-hidupan.

Tidak membunuh atau mencederakan hidupan lain dengan jelas memberi faedah kepada binatang-binatang. Satu lagi fakta yang kurang jelas ialah: tidak mencederakan hidupan lain turut memanfaatkan diri kita sendiri. Mengapa? Kerana hukum karma. Apabila anda membunuh atau menyebabkan hidupan lain dibunuh untuk memenuhi nafsu anda terhadap daging, anda mewujudkan hutang karma. Hutang ini akhirnya harus dijelaskan juga.

Pengamalan diet vegetarian sebenarnya ialah satu hadiah yang kita berikan kepada diri kita sendiri. Kita berasa bebas, kualiti hidup kita bertambah baik kerana hutang karma kita yang berat dikurangkan. Kita dapat memasuki alam syurga yang batin. Adalah sangat menguntungkan berbanding dengan hanya sedikit yang harus dibayar!

Pembantahan terhadap pemakanan daging dari segi pandangan rohani dapat menyakinkan setengah-setengah orang, tetapi terdapat sebab-sebab lain lagi yang menyakinkan untuk menjadi vegetarian. Semua sebab ini adalah berdasarkan akal waras, seperti kesihatan dan nutrisi peribadi, ekologi dan alam sekitar, etika dan penderitaan binatang, dan kebuluran dunia.

Pemakanan dan Kesihatan

